

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
FAUZIAH NAWI,  
ARTIS TANAH AIR MALAYSIA  
MENGENAI LATAR BELAKANG DAN PENGALAMAN HIDUP  
SEORANG TOKOH DALAM BIDANG SENI HIBURAN**

**NURASHIKIN ZULAIKA BINTI NORKHIZAM**

**(2020465852)**

**NUR SHAZWHANI ARNI BINTI MAT ZAINI**

**(2020825154)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022**

	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<i>Roman Numerals</i>	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	i-ii iii iv v vi
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penembual Kedua	1-3
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	4-6
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	7-9
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2 4.3 Topik 3	10-18
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	19-69
6.0	Log Temubual	70-82
7.0	Ralat	83-84
8.0	Glosari	85-92
9.0	Indeks	93-96
10.0	Bibliografi	97-100
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Surat Perjanjian 11.3 Senarai Soalan 11.4 Diari Penyelidikan 11.5 Gambar, anugerah	101-135

## ABSTRAK

---

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang berkecimpung dalam industri seni tanah air iaitu Fauziah Nawī. Ramai dalam kalangan masyarakat kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara langsung tentang kewujudan artis veteran yang mempunyai bakat seni yang tinggi dan berkualiti dalam pelbagai bidang dan perlu dihargai bakat seni yang dimiliki tokoh ini. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang salah satunya tokoh yang mempunyai bakat yang hebat dalam bidang seni ini, projek sejarah lisan ini akan membincangkan atau mencungkil tentang pengalaman beliau dalam bidang tarian, nyanyian, lakonan dan pengarahannya. Bermula dari sejarah tentang salah seorang anak seni tanah air ini iaitu Fauziah Nawī, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh tentang penglibatan tokoh dalam bidang industri seni, pencapaian, sumbangan, harapan serta isu-isu yang memerlukan pendapat beliau dalam bidang ini. Kajian ini bukan sahaja melalui puan Fauziah Nawī sahaja, malah ianya juga turut diperolehi dari beberapa sumber yang lain bagi melihat sejauh mana kesahihan maklumat dalam kajian yang telah dilakukan. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa akan datang dapat mengenali dengan lebih mendalam tentang tokoh ini dan menghargai bakat yang dimiliki oleh beliau yang hebat di dalam bidang industri seni tanah air Malaysia.*

## KATA KUNCI

---

Sejarah lisan, Temu bual, lakonan, tarian, nyanyian

## ABSTRACT

---

*This transcript discusses the experience of a figure who is involved in the art industry of the country, namely Fauziah Nawī. Many in today's society, especially the new generation in this era do not know directly about the existence of veteran artists who have high and quality artistic talent in various fields and should be appreciated the artistic talent possessed by this figure. In addition to touching a little on the background of one of the figures who has great talent in this field of art, this oral history project will discuss or elaborate on his experiences in the fields of dance, singing, acting and directing. Starting from the history of one of the country's artists, Fauziah Nawī, this study also focuses comprehensively on the involvement of figures in the field of art industry, achievements, contributions, hopes and issues that require his opinion in this field. This study is not only through Mrs. Fauziah Nawī only, but it is also obtained from several other sources to see the extent of the validity of the information in the study that has been done. The implications of this study are mainly to researchers, students and the general public. Through this oral history project, it is hoped that the outside community, especially future generations, will be able to know more about this figure and appreciate his great talent in the field of Malaysian art industry.*

## KEYWORDS

---

Oral history, Interviews, acting, dancing, singing

## **PENGHARGAAN**

Titipan penghargaan terhadap Allah tuhan sekalian alam atas rahmat yang sudi dicurahkan kepada hambanya yang kerdil ini. Berserah kepadanya atas segala takdir yang dikehendakkan kepada isi alam seluruhnya. Selawat dan salam kepada junjungan besar nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat.

Pertama-tamanya kami tuntunkan ucapan Alhamdulillah kepada Allah atas nikmat-nikmat yang diberikan kepada kami tapa henti. Tanpa keredhaannya tidak mungkin mampu kami menyiapkan tugas ini walau sedikit pun.

Penghargaan ini juga kami tujukan kepada kedua ibu bapa kami kerana mereka sentiasa menitipkan doa-doa untuk keberkatan kami di sini. Mereka juga banyak menyokong kami dari segenap segi rohani dan kewangan untuk menghasilkan tugas bermutu ini.

Tidak lupa juga kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin kerana dengan izin Allah, beliau sudi menunjuk ajar kami waima mengganggu masa rehatnya. Beliau juga sering mengingatkan kami sekiranya kami alpa dan menegur kami dengan penuh berhemah. Moga jasa baiknya akan diganjar dengan kurniaan daripada Allah yang tidak ternilai harganya.

Kami juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada rakan-rakan yang berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan yang kami dambakan khususnya dalam menghasilkan transkrip ini. Segala bentuk bantuan yang anda salurkan amat kami hargai.

## SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
ABPBH	Anugerah Bintang Popular Berita Harian
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
ASTRO	All-Asian Satellite Television and Radio Operator
COVID	Coronavirus Disease
EP	Extended Play
IB	Istana Budaya
KBN	Kompleks Budaya Negara
K-POP	Korea Pop
MCP	Multi Camera Production
OSCAR	Anugerah untuk kecemerlangan dalam industri filem Amerika dan Antarabangsa
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
TV	Televisyen
VO	Voice Over (Suara Latar)

## **SENARAI SINGKATAN**

**FN:** Fauziah binti Nawi

**NAZ:** Nurashikin Zulaika binti Norkhizam

**NSA:** Nur Shazwhani Arni binti Mat Zaini

## RUJUKAN KATA

Bapak	Bapa
Bu	Ibu
Camne	Macam mana
Dah	Sudah
Dok	Duduk
Dorang/dia orang	Mereka
Je	Sahaja
Kan	Betul
Kecik	Kecil
Korang/kita orang	Kami
Lah	Ya
Lepas	Selepas
Lepastu	Selepas itu
Macam mana	Bagaimana
Mak	Emak
Mau	Mahu
Nak	Hendak
Ni	Ini
Okay	Baik
Pi	Pergi
Pastu	Selepas itu
Saja	Sahaja
Sape	Siapa
Tak	Tidak
Takde	Tiada
Takkan	Tidak akan
Taknak	Tidak hendak
Tapi	Tetapi
Tu	Itu



# **1.0 BIODATA PENEMUBUAL**

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual Pertama



Nama	Nurashikin Zulaika binti Norkhizam
Tarikh Lahir	15 Jun 1999
Tempat Lahir	Lourdes Medical Center, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur
Alamat	No 31, Jalan Tanjung Gelang 30/89 Lorong Haji Tahir off Jalan Kebun 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Nombor Telefon	019-9884526
Emel	<a href="mailto:ashikinzulaika@gmail.com">ashikinzulaika@gmail.com</a>
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.2 Penemubual Kedua



Nama	Nur Shazwhani Arni binti Mat Zaini
Tarikh Lahir	20 Oktober 1999
Tempat Lahir	Hospital Desa Pangkor, Perak
Alamat	No 723, Lorong Sejati 4, Taman Sejati 3 32000 Sitiawan, Perak Darul Ridzuan
Nombor Telefon	011-26436421
Emel	<a href="mailto:shazwhaniarni@gmail.com">shazwhaniarni@gmail.com</a>
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

## **2.0 BIODATA TOKOH**

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 Biodata Tokoh



Nama	Fauziah binti Nawi
Nama Samaran	Fauziah Nawi
Tarikh Lahir	28 Jun 1953
Tempat Lahir	Ipoh, Perak
Alamat	Taman Putra Sulaiman 68000 Ampang, Selangor
Nombor Telefon	013-3814337
Emel	ifauziahnawi@gmail.com
Profesion	Pelakon, pengarah
Bidang	Lakonan, nyanyian, tarian, pengarah

## **2.2 Pengenalan Kepada Tokoh**

Nama penuh artis veteran yang telah dipilih ialah Fauziah binti Nawi atau lebih dikenali sebagai Fauziah Nawi. Beliau telah dilahirkan pada 26 Jun 1953 di Ipoh, Perak. Puan Fauziah Nawi telah berkahwin dengan Mohd Hanif Gedek pada tahun 1975 sehingga 1996 dan telah dikurniakan dua orang cahaya mata. Salah seorang anaknya merupakan penulis skrip dan pengarah iaitu Pitt Hanif. Puan Fauziah mula bergiat aktif dalam industri seni Malaysia sekitar 1970 an. Puan Fauziah Nawi merupakan seorang penyanyi, penari, juruhebah radio, pelakon dan pengarah. Ketika usia muda, Puan Fauziah Nawi telah menyertai pertandingan menari dan telah mendapat gelaran juara untuk beberapa kali. Dengan kejayaan itu, beliau mendapat peluang untuk mempersembahkan tarian di acara-acara yang besar. Seterusnya, Puan Fauziah Nawi pernah merakamkan single Hitam Manis Berseri pada tahun 1974 dan Kasihku Kasihmu pada tahun 1975. Puan Fauziah juga menjadi penyampai radio di station Radio 4-Selamat Pagi Malaysia, Morning Show, Your Host, "Non Stop Music and Before We Say Goodnite", Radio 3 Ibu Kota- Fascinating Malaysia dan Radio 1- Manis-Manis Garam. Puan Fauziah Nawi memulakan kerjaya sebagai seorang pelakon di pentas teater atau dikenali sebagai drama pentas pada masa lalu. Penglibatan awal beliau dalam bidang lakonan bermula dengan teater "Tali" yang telah digandingkan bersama Datuk Ahmad Tarmimi Siregar dan Ahamad Yatim menjadi pengarah ketika itu. Puan Fauziah Nawi juga pernah membintangi filem seperti "Man Laksa", "Khurafat: Perjanjian Syaitan", "Hoore! Hoore!" dan banyak lagi. Puan Fauziah Nawi juga pernah berlakon di dalam drama "Asmara 1&2", "Surat Dari Langit", "Hadiah Dari Tuhan" dan lain-lain. Beliau pernah memegang trofi Anugerah Pelakon Pembantu Terbaik menerusi filem "Sayang Salmah" dan drama "Mendung Tidak Berarak Lagi".

## **3.0 SEJARAH LISAN**

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Sejarah lisan biasanya dirujuk sebagai catatan peristiwa sejarah, orang atau tempat yang menjadi ingatan pertama seseorang tentang masa lalu yang dilihat dengan mata sendiri. Ia dianggap sebagai kenangan hidup yang mempunyai sangat penting dalam sejarah umat manusia. Ia juga telah menjadi sumber utama untuk membina semula, mencipta dan merekodkan pengetahuan masyarakat masa lalu dan masa kini (Fujica Azura Fesal et al., 2016). Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah untuk merakam kenangan seorang tokoh secara bersemuka. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya mereka yang boleh menyumbang maklumat sejarah daripada penglibatan dan pengalaman mereka sendiri atau hubungan langsung mereka dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Kemudian, maklumat yang diperolehi daripada temu bual telah disalin, disemak dan dicetak untuk bahan pengajaran dan penyelidikan akan datang. Dengan wujudnya sejarah lisan ini, penyelidik dapat menyimpan pelbagai jenis maklumat atau peristiwa yang telah berlaku pada masa lalu. Penyelidik akan mendapat pengalaman baharu, sejarah dapat dilihat dari pelbagai sudut yang berbeza serta dapat mengetahui pelbagai jenis personaliti manusia (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

#### **3.2 Objektif Sejarah Lisan**

- Untuk mengkaji mengapa artis veteran (pelakon) semakin tidak menjadi buah mulut orang ramai di dalam dunia industri seni.
- Untuk menyelidik mengapa bakat atau pengalaman artis veteran dalam bidang industri seni Malaysia semakin kurang mendapat perhatian orang ramai atau diketepikan.
- Untuk mengenalpasti apakah pandangan atau pendapat artis veteran terhadap industri seni Malaysia pada zaman dahulu dan masa kini.



### **3.3 Kepentingan Sejarah Lisan**

Sejarah lisan amat penting kepada penulisan sejarah tamadun manusia. Sejarah lisan adalah unik kerana ia dapat menghubungkan masa lalu dan masa kini melalui catatan yang berkaitan dengan pengalaman sejarah. Sejarah lisan amat penting untuk membantu menghuraikan sejarah dengan lebih menyeluruh dan jelas. Sejarah lisan berdasarkan pengalaman dan ingatan tokoh-tokoh tertentu dalam peristiwa sejarah amat penting bagi mengembalikan semula gambar-gambar detik bersejarah dengan lebih jelas dan teliti. Penggunaan sejarah lisan akan meluas dan seterusnya mengukuhkan aktiviti penyelidikan sejarah yang dijalankan oleh ahli sejarah. Semua ini pasti akan meningkatkan aktiviti penyelidikan sejarah.

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

### **4.1 Topik 1: Industri Tanah Air**

Industri tanah air lebih dikenali sebagai industri seni yang merangkumi berbagai bidang atau cabang di bawah kelompok industri seni. Selain itu, industri seni juga dikenali sebagai industri kreatif. Industri kreatif ialah melibatkan pelbagai industri yang mempunyai kreativiti pada setiap individu, keterampilan mereka dalam sesuatu bidang, dan bakat yang perlu diasah atau dicungkil yang berpotensi untuk menjana sesuatu kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan kepada mereka yang terpilih melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.). Dalam erti kata lain, industri kreatif ini juga merujuk kepada sesuatu seni untuk ekonomi yang akan melibatkan individu-individu diluar sana yang mempunyai bakat yang hebat dan pihak berkorporat seterusnya akan memberikan implikasi yang baik kepada Malaysia dari segi mata pencarian (pendapatan) dan meningkatkan imej negara di persada dunia (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.). Industri kreatif terbahagi kepada tiga industri iaitu Industri Kreatif Multimedia, Industri Kreatif Seni dan Budaya dan yang terakhir adalah Industri Kreatif Warisan Budaya. Terdapat beberapa industri-industri yang telah dikategorikan di dalam Industri Kreatif Multimedia. Salah satunya ialah Penerbitan Filem dan Tv, Pengiklanan, Seni Reka dan Animasi dan Kandungan Digital (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.). Selain itu, industri-industri lain yang berada di bawah kelompok Industri Kreatif Seni ialah kraf, seni visual, seni Muzik, seni persembahan, penulisan kreatif dan fesyen dan tekstil. (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.). Akhir sekali, Industri Kreatif Warisan dan Budaya merupakan satu industri yang berkaitan dengan warisan dan budaya yang perlu dikekalkan seperti aktiviti muzium, arkib, pemuliharaan dan pemuliharaan (Dasar Industri Kreatif Negara, n.d.).

Tambahan pula, industri tanah air juga boleh dikatakan sebagai sebuah Industri Hiburan yang merangkumi semua aspek berkaitan hiburan dengan karya karya daripada orang-orang yang hebat. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat, hiburan didefinisikan sebagai tempat menghiburkan hati. Kata terbitan bagi hibur ialah “berhibur”, “menghiburkan”, “terhibur”, “hiburan” dan akhir sekali “penghibur”. Perkara ini jelas menunjukkan kerjaya seorang anak seni merupakan seorang penghibur orang ramai dalam apa jua bidang tidak kira dalam bidang lakonan, nyanyian, tarian dan sebagainya. Sejak pandemic Covid-19 berlaku di seluruh negara termasuk Malaysia, segala aktiviti yang berkaitan dengan dunia hiburan amatlah terbatas. Hal ini kerana, semua pihak perlu mematuhi SOP iaitu Standard Operating Procedure

yang merupakan salah satu alternatif untuk memutuskan rantai covid-19 yang semakin menular di Malaysia. Tetapi, dengan kerjasama oleh semua pihak akhirnya industri seni hiburan tanah air semakin bernafas oleh kerana terdapat satu alternatif baru diwujudkan oleh pihak kerajaan dengan mengenakan syarat kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan dua suntikan dos vaksinasi supaya rakan-rakan artis dapat kembali bekerja seperti biasa. Menurut Kosmo mengatakan “ibu Fauziah Nawi, terima kasih kerana berani bentang pekung dalam dunia produksi pasal vaksin” (Tengku Suzana Raja Mamat, 10 September 2021). Perkara ini amatlah penting dalam membantu mengekalkan prestasi atau dunia hiburan industri seni tanah air supaya penggiat seni dapat berkarya kembali ataupun memperbaharui drama, filem, lagu dan sebagainya untuk menarik minat peminat artis-artis tersebut untuk menyokong dan mendorong bidang seni mereka.

#### **4.1.1 Industri Lakonan**

Industri lakonan merupakan salah satu industri tanah air yang bergiat aktif sejak dahulu lagi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, lakonan didefinisikan sebagai lakon atau hal-hal yang dilakukan bagi memainkan sesuatu drama, filem atau teater. Antara kata terbitan daripada Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat ialah berlakon, melakonkan, lakonan dan pelakon. Seperti yang kita tahu, industri lakonan sangat berkait rapat dengan pelakon tanah air di Malaysia ini yang mempunyai bakat-bakat mereka tersendiri. Bidang lakonan merupakan salah satu bidang yang penting dalam menggambarkan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan sejarah lama contohnya seperti cerita “Bukit Kepong”, “Puteri Gunung Ledang”, “Hikayat Merong Mahawangsa”, “Leftenan Adnan” dan lain lain lagi. “Hikayat Merong Mahawangsa pernah dinobatkan sebagai satu Filem Terbaik pada Festival Filem Malaysia Ke-24 (FFM24) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)” (Malaysia Kini, 21 November 2011). Selain itu, “Filem tersebut telah memenangi beberapa anugerah dalam Festival Filem Malaysia ke-3, termasuk Filem Terbaik. Filem ini juga telah ditayangkan kepada penonton pada tahun 1981 dan file mini antara filem termahal dalam dekad 80-an kerana kos yang digunakan bagi menjayakan filem ini ialah RM 1.3 Juta” (Astro Awani, 15 April 2015). Filem-filem ini pernah memenangi beberapa anugerah kerana berjaya menyampaikan mesej kepada penonton tentang pentingnya peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku di negara ini supaya kita tidak lupa dan boleh dijadikan rujukan atau gambaran tentang sejarah untuk generasi yang akan datang. Tambahan pula, drama atau filem yang dilakonkan oleh para pelakon mampu memberikan nilai-nilai murni atau pengajaran. Contoh drama yang mampu

berikan pengajaran ialah seperti “Drama Tanah Kubur”. “Drama yang dapat memberi kesan kepada penonton kaca televisyen ialah drama Tanah Kubur yang penuh dengan mesej yang sangat bermakna dan pengajaran baru buat umat Islam” (Munirah Abd Razzak, Norrodzoh Hj Siren, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Siti Aminah Ngadiman, 2019). Justeru, terdapat beberapa jenis lakonan dalam teori Stanislavsky iaitu lakonan eksploitatif, lakonan lampau amatur, lakonan mekanikal dan lakonan representational. Salah seorang artis pernah memenangi anugerah dalam lakonannya yang berjudul “Pontianak Harum Sundal Malam”. Ia boleh dibuktikan apabila Harian Metro mengatakan “Kejayaan Maya mengungguli gelaran Aktres Terbaik Festival Filem Asia Pasifik (FFAP) di Fukuoka, Jepun 14 tahun lalu membuktikan pelakon wanita tempatan boleh mencipta nama di peringkat Asia menerusi filem Pontianak Harum Sundal Malam” (Amirul Haswendy Ashari, n.d.). Terdapat juga beberapa isu dalam bidang lakonan iaitu seperti yang diceritakan dalam Berita Harian. Seorang artis yang dikenali sebagai Zul Huzaimy mengatakan dia tidak berasa berpuas hati jikalau kelayakan guru lakonan hanya mempunyai bakat dan pengalaman sahaja. Ia juga perlu seiring dengan akademi serta didikan yang sesuai dalam menjadikan seseorang itu menjadi guru lakonan kepada orang lain. Ia dapat dibuktikan apabila ZUL Huzaimy mengatakan "jika seseorang individu sedang mempelajari cara lakonan yang formal, mereka akan mempelajari tujuh atau hingga ke 12 pilihan untuk melakonkan satu karakter. Sebagai contoh ketika babak marah, seseorang individu tersebut tidak perlu menjerit apabila sedang menghayati watak tersebut, malah ada lagi teknik untuk membawakan karakter ini dengan emosi yang sesuai," kata Zul Huzaimy kepada BH Online (Serimah Mohd Sallehuddin, 5 September 2021). Hal ini jelas menunjukkan bakat atau pengalaman yang hebat membantu seseorang artis dalam Berjaya di dalam industri tanah air ini.

#### **4.1.2 Industri Nyanyian**

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, nyanyian didefinisikan sebagai nyanyi atau mengeluarkan suara untuk dialunkan kepada pendengar. Kata terbitan bagi nyanyi ialah bernyanyi, menyanyikan, menyanyi, nyanyian dan penyanyi. Industri nyanyian semakin berkembang luas oleh kerana arus permodenan dari masa ke semasa. Industri nyanyian sangat berkait rapat dengan industri muzik sejak zaman dahulu lagi. Muzik yang popular menjadi satu peranan penting dalam membantu mengeratkan silaturahim dan mengekalkan perpaduan di antara kumpulan etnik di Malaysia kini (Universiti Kebangsaan Malaysia, n.d.). Terdapat beberapa jenis genre muzik yang digilai oleh masyarakat Malaysia sehingga kini. Muzik paling

populer tempatan juga boleh dipecahkan kepada beberapa kategori dengan mengikut gaya/genre, bahasa, dan tradisi etnik. Dengan adanya kepelbagaian ini dapat mewujudkan satu aspek yang unik kepada negara ini (Universiti Kebangsaan Malaysia, n.d.). Jenis muzik popular adalah muzik Jazz, muzik Injil, muzik Blues, Muzik RnB, muzik Funk, muzik Rock, muzik Logam, muzik Elektronik, muzik raggaе, muzik Hip Hop, muzik techno, muzik Pop, muzik Tradisional, muzik Dangdut, muzik Latin dan sebagainya (bcnsants.net, n.d.). Antara penyanyi yang hebat kita boleh jadikan sebagai contoh adalah Dato' Sri Siti Nurhaliza. Ia dapat dibuktikan daripada satu artikel Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengatakan bahawa Dato' Sri Siti Nurhaliza mempunyai suara nyanyian yang lunak dan merdu. Muzik yang pertama yang dinyanyikan beliau ialah lagu biasa dalam satu irama pop Melayu (Jeremy<sup>P</sup><sub>SEP</sub>Wallach, Ogos 1998). Di dalam satu berita online iaitu Astro Awani mengatakan Dato' Sri Siti Nurhaliza telah banyak memenangi berbagai anugerah yang telah mengharumkan nama beliau di dalam negara ataupun di luar negara. Dato' Sri Siti Nurhaliza telah dinobatkan sebagai Voice of Asia selepas beliau memenangi Grand Prix Champion pada satu pertandingan nyanyian Voice of Asia di Almaty, Kazakhstan pada tahun 2002 (Kohilah Sekaran, 10 April 2015). Perkara ini membuka mata peminat bahawa artis-artis yang hebat tidak dilahirkan terus menjadi hebat, malah ia memerlukan sedikit usaha untuk mencapai kejayaan yang mereka inginkan.

### **4.1.3 Industri Tarian**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tarian didefinisikan sebagai gabungan gerakan badan, tangan dan kaki mengikut irama muzik. Kata terbitan bagi tari ialah "Menari", "Tarian" dan "Penari". Bidang tarian merupakan salah satu industri hiburan yang juga popular di Malaysia kerana tanpa tarian, bagaimanakah rakyat Malaysia mendalami atau mempelajari tarian yang dipersembahkan oleh setiap kaum di Negara Malaysia. Bidang tarian juga amat penting kerana ia dapat mengekalkan warisan serta dapat menunjukkan budaya tarian di negara ini kepada pelancong-pelancong yang melancong ke tanah air ini. Terdapat beberapa jenis Tarian Tradisional Kaum-kaum di Malaysia. Antaranya ialah Tarian Tradisional Kaum Melayu, Tarian Tradisional Kaum Cina, Tarian Tradisional Kaum India, Tarian Sabah, Tarian Sarawak dan akhir sekali Tarian Kenyalang (Penang Kini, 27 April 2017). Salah satu tarian tradisional yang sentiasa menjadi keutamaan bagi setiap kerajaan ialah tarian Zapin merupakan satu kebanggaan negeri Johor Darul Ta'zim. Tarian Zapin sememangnya hidup dengan jayanya di seluruh daerah Johor, tarian Zapin ini juga dijadikan sebagai satu kewajipan bagi setiap

keraian pada zaman dahulu seperti majlis-majlis perkahwinan, upacara cukur rambut, majlis khatam al-Quran dan sebagainya (Berita Harian, 17 April 2016). Seterusnya, di dalam laman web iaitu “siakap keli” ,yang mengatakan asal usul tarian Mak Yong pernah diharamkan di negeri Kelantan selama hamper 30 tahun (Hanis Lyana, n.d.). Tarian Mak Yong ini telah menggabungkan banyak drama romantis serta pergerakan badan, tangan serta kaki dalam tarian dan nyanyian tradisional dengan gaya yang sangat menarik dan menawan. Tarian Mak Yong juga mengisahkan tentang zaman kegemilangan kesultanan Melayu yang menjadi satu kebanggaan kepada rakyat Malaysia atau kaum Melayu. Disamping itu, terdapat 12 jenis tarian yang popular di dunia. Salah satunya ialah Tarian Balet, Tarian Jazz, Tarian Hip Hop, Tarian Moden, Tarian Hayun, Tarian Contra, Tarian Negara dan Barat, Tarian Belly atau Perut, Tarian Flamenco, Tarian Latin dan akhir sekali Tarian Rakyat. Hal ini jelas membuktikan Malaysia mempunyai berbagai jenis tarian yang merupakan salah satu kebanggaan rakyat Malaysia untuk ditunjukkan warisan dan budaya setiap kaum di Malaysia kepada pelancong atau pengunjung yang berkunjung ke Malaysia.

#### **4.1.4 Industri Pengarahan**

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, pengarah bermaksud orang yang bekerja untuk mengarah filem, drama dan sebagainya atau orang yang dipilih untuk mengawal satu organisasi agar sentiasa agar berjalan dengan lancar. Antara peranan setiap pengarah dalam mengendalikan sesebuah filem, drama atau teater adalah dengan mengkaji skrip yang akan dilakonkan oleh pelakon terpilih, memilih konsep pementasan yang sesuai dengan jalan cerita, mengadakan uji bakat secara terbuka untuk memilih pelakon yang baru, mengkaji bajet yang diperlukan dalam membuat satu filem/drama atau teater dan lain-lain lagi. Di Malaysia, terdapat begitu ramai pengarah yang hebat sehingga memenangi anugerah yang selayaknya untuk mereka kerana mempunyai jalan cerita filem, drama atau teater yang baik. Salah seorang pengarah yang hebat iaitu Nam Ron pernah memenangi pengarah terbaik Asean. “Alhamdulillah. Terima kasih Asean International Film Festival Awards aiffa 2019 atas anugerah ini,” kata pengarah dan pelakon, Nam Ron yang menang Pengarah Terbaik di Anugerah Festival Filem Antarabangsa Asean (AIFFA) di Kuching, (Harian Metro, n.d.). Hasil filem Nam Ron yang menjadi tarikan rakyat Malaysia ialah filem Crossroad: One Two Jaga. Filem ini memiliki banyak anugerah oleh kerana penceritaanya yang diterima oleh orang ramai dan mempunyai mesej-mesejnya tersendiri untuk disampaikan kepada penonton. Selain Nam Ron, Syamsul Yusof juga pernah memenangi anugerah Pengarah Terbaik di Festival Filem

Malaysia ke-23 (FFM23) arahnya iaitu filem *Evolusi KL Drift 2*. Syamsul Yusof telah menitiskan air mata ketika namanya diumumkan sebagai pemenang anugerah Pengarah Terbaik di Festival Filem Malaysia ke-23 (FFM23) yang menyifatkan bahawa kejayaan yang dimilikinya itu sebagai satu rahmat atau hadiah terbesar daripada Tuhan kepadanya (Wahiduzzaman, 27 Oktober 2010). Oleh itu, didapati bahawa bidang pengarahannya merupakan satu bidang yang luas di dalam industri seni hiburan tanah air. Tanpa pengarahannya yang hebat dan kerjasama daripada pihak produksi dan pelakon-pelakon, filem/drama atau teater tersebut tidak dapat berjalan dengan lancar.

#### **4.2 Industri Radio**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, industri ialah satu perusahaan untuk menghasilkan sesuatu produk atau barangan. Tambahan pula, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Radio bermaksud pemancaran bunyi dan lain-lain menerusi udara seperti warta berita dan sebagainya. Seperti yang kita tahu, radio mempunyai peranannya tersendiri yang digunakan sebagai satu alat yang boleh menyampaikan maklumat, berita, isu-isu semasa tentang negara, hiburan, masakan serta untuk pendidikan (Intan Soliha Ibrahim, Juliana Abdul Wahab, 20 Disember 2019). Ia dapat dibuktikan di dalam berita online iaitu Astro Awani yang mengatakan walaupun kemunculan televisyen, media sosial seperti whatsapp, Facebook, Instagram dan sebagainya tetap industri radio masih relevan dalam kalangan rakyat Malaysia sehingga kini (Nickyson Nyambar, 13 Februari 2020). Tambahan pula, radio juga merupakan satu sumber atau platform yang paling dipercayai sepanjang PKP begitu juga dengan stesen televisyen, media sosial rasmi sejak pandemic covid-19 menular di negara ini (Prof Madya Dr Che Hasniza Che Noh, 17 Jun 2020). Hal ini kerana, berita palsu semakin menular di dalam setiap media sosial yang tidak sah dan menimbulkan tanda tanya kepada orang ramai. Jadi, orang ramai perlu mencari atau menggunakan sumber yang sah bagi mendapatkan informasi yang betul. Seterusnya, stesen radio tertua di Malaysia iaitu stesen radio RTM telah mencipta empat rekod baru dalam Malaysia Book of Records (MBOR) iaitu Stesen Penyiaran Paling Lama di Malaysia (The Longest Running Broadcasting Station – 75 years), Forum Paling Terbanyak Disiarkan Secara Langsung Serentak Melalui TV dan Radio RTM (The Most Number of Forums Live Simultaneously Through Radio and TV RTM), Siaran Langsung Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Hari RTM ke-75 Tahun Secara Serentak Melalui TV dan Radio RTM (The Most Number of Official Ceremonies Live Simultaneously Through Radio and TV RTM), dan Orkestra Paling Lama (Longest Running Orchestra) (Sudirman



Mohd Tahir, n.d.). Justeru, industry radio merupakan satu industri yang masih dikekalkan kerana industry radio kedua terpenting selain televisyen yang mempunyai banyak fungsinya dalam menyebarkan maklumat secara formal atau tidak formal kepada orang ramai.

### **4.3 Artis Veteran**

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat, artis maksudnya ialah seorang penghibur tidak kira daripada pelbagai cara atau bidang manakala veteran bermaksud orang yang telah banyak pengalaman dalam sesuatu bidang. Secara keseluruhannya, artis veteran merupakan seorang individu atau penggiat seni yang mempunyai pengalaman yang luas tentang industri seni hiburan seperti dalam bidang lakonan, nyanyian, tarian dan sebagainya. Seseorang individu itu boleh diiktiraf sebagai artis veteran jikalau tahun aktif di industri seni dalam lingkungan 50-an, 60-an, 70-an dan 80-an ke bawah. Walaupun kewujudan artis-artis veteran kurang di kaca televisyen, tetapi dengan bakat dan pengalaman mereka contohnya dalam bidang lakonan mampu memberikan mesej, lakonan, ekspresi yang sangat baik sehingga ada dari kalangan mereka telah mendapat anugerah dan selayaknya mendapat anugerah tersebut oleh kerana bakat dan pengalaman mereka. Di berita atas talian iaitu Berita Harian mengatakan salah seorang pelakon veteran iaitu fauziah Ahmad Daud atau lebih dikenali sebagai Ogy telah memenangi Pelakon Wanita Drama Televisyen (TV) Terbaik pada Anugerah Seri Angkasa (ASA) pada tahun 2016 (Mohd Aizat Shamsuddin, Fatin Farhana Ariffin, 22 Mei 2016). Selain daripada pelakon veteran yang hebat dan pernah memenangi anugerah, salah seorang penyanyi veteran yang mempunyai nyanyian dan karya yang hebat iaitu dikenali sebagai Sheila Majid. Sheila Majid telah diiktirafkan sebagai Ratu Jazz Malaysia kerana beliau berkebolehan untuk menyanyikan berunsur musik jazz. Ia dibuktikan bahawa di berita online iaitu Astro Awani, Sheila Majid mengatakan ia bermula dengan disiplin yang baik, berdedikasi ke atas satu kerja dan pengorbanan yang mungkin peminat sendiri tidak ketahui bagi mengekalkan insan bergelar seni tetap relevan dalam industri tanah air ini (Hilal Azmi, 19 Disember 2016). Disamping itu, terdapat satu berita online iaitu Harian Metro yang mengatakan artis-artis veteran lebih popular berbanding artis baru (Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor, n.d.). Hal ini kerana, umum mengetahui bahawa bakat dan pengalaman artis veteran sukar ditandingi oleh artis baru. Ia dapat diungkapkan apabila peminat kekal meminati nyanyian yang dialunkan oleh Sheila Majid berbanding dengan artis baru kerana nyanyian Sheila Majid lebih dirasai, lebih menunjukkan ekspresi dan emosi dalam melakukan satu persembahan. Justeru, terdapat beberapa bantuan yang diberikan kepada artis-artis veteran. Dipetik dari Mstar Online,

sebuah syarikat kecantikan telah memberikan RM5000 ringgit kepada artis-artis veteran yang hebat (Mohd Al Qayum Azizi, 21 Jun 2012). Seterusnya, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) telah mengadakan satu program ziarah yang dapat memberi ruang kepada artis-artis veteran supaya mereka dapat kembali bekerjasama dengan industri tanah air. Maka, sudah semestinya artis-artis veteran tidak patut dilupakan atau diabaikan nasib mereka oleh kerana usia mereka sudah menganjak tua, pihak produksi juga perlu mempertimbangkan keupayaan mereka dalam membantu mereka memasuki kaca televisyen semula agar kemunculan mereka, bakat mereka tidak akan dilupakan oleh peminat.

## **5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH**

## **5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH**

**NAZ: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang industri seni tanah air Malaysia. Bersama-sama kami ialah Puan Fauziah Nawawi iaitu artis veteran yang dikenali di seluruh Malaysia. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 15 November 2021 pada jam 5.30 petang di Sanggar Teater Fauziah Nawawi di Kuala Lumpur [Malaysia]. Temubual ini dikendalikan oleh Nurashikin Zulaika binti Norkhizam dan Shazwhani Arni. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.**

FN: (memakai pelitup muka)

**NAZ: Assalamualaikum Puan Fauziah Nawawi. Sihat?**

FN: Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Ya.

**NAZ: Jadi boleh (gerakan tangan) puan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang kehidupan Puan Fauziah Nawawi?**

FN: Latar belakang kehidupan tu macam mana?

**NAZ: Nama penuh, lahir bila, dekat mana tempat lahir.**

FN: Kehidupan tu dah lain. Kan? (menyilang tangan)

**NAZ: (ketawa)**

FN: Nama saya, nama penuh saya Fauziah binti Nawi. Saya lahir di Ipoh, Perak. Jalan Bendahari, Ipoh, Perak [Malaysia] pada tanggal dua puluh lapan [28] Jun 1953.

**NAZ: Oh jadi...**

FN: Saya bersekolah di sana sampai *form three* [tingkatan 3]. Kemudian keluarga berpindah ke Kuala Lumpur tahun 1971.

**NAZ: Oh jadi...**

FN: Bapak saya arwah Nawi bin Mukri. Mak saya Saniah binti Sidek. Arwah jugak.

**NAZ: Oh okay [baik]. So [jadi]...**

FN: \_\_ saya suami saya dah meninggal, arwah Haji Haniff bin Haji Gedek dan saya ada dua orang anak. Seorang Muhammad Firdaus dah pon meninggal pada dua puluh enam [26] Oktober 2019 dan seorang lagi anak perempuan saya Siti Nur Fatimah yang sekarang bertugas sebagai Penerbit di ASTRO.

**NAZ: Oh. So [jadi] boleh kami tahu dimanakah sekolah menengah dan sekolah rendah puan?**

FN: Sekolah rendah saya masa tu di Ipoh [Perak, Malaysia]. Saya sekejap sekolah di Pasir Putih, Ipoh [Perak, Malaysia] kemudian pindah ke Sungai Rekam, Ipoh [Perak, Malaysia]. Tapi saya bersekolah daripada darjah satu [1] sampai darjah lima [5] di Sekolah Kebangsaan Sungai Rapat, Ipoh, Perak [Malaysia] dan bila sekolah sudah dibina di Sungai Rekam, Kampung Sungai Rekam tempat tinggal saya tu saya menamatkan darjah enam di Sekolah Kebangsaan Sungai Rekam. Kemudian saya pergi ke Sekolah Jenis Kebangsaan Raja Perempuan *Secondary School* [Sekolah Menengah] Ipoh bermula dalam *\_ class* sampai *form three* [tingkatan tiga] pastu saya terus keluarga berpindah ke Kuala Lumpur [Malaysia]. Saya menamatkan *form five* [tingkatan lima] saya di Sekolah Raja Sekolah *\_ \_ Sekolah Perempuan Jalan Ampang, Kuala Lumpur* [Malaysia].

**NAZ: So [jadi] lepas sekolah menengah tu puan ada melanjutkan diri ke mana-mana universiti?**

FN: Saya tak (geleng kepala). Saya tak pergi, saya taknak. Saya dah terus bekerja dan waktu itu juga saya memang aktif lah. Saya menari, saya menyanyi dan kemudian pada tahun 1973 tu saya berlakon lah. Tapi saya tak pernah buat *\_* sepenuh masa sebab saya bekerja. Saya pernah bekerja di *Texas Instrument*. Saya pernah bekerja di Universiti Malaya [Malaysia]. Saya pernah bekerja di *Garuda Airlines* [syarikat penerbangan]. Saya pernah bekerja di *Italian-Thai Development Cooperation* [syarikat kontraktor pembinaan] yang buat *Highway* [lebuhraya] Karak [Malaysia] tu. Dan akhirnya saya menjadi *government servant* [kakitangan kerajaan] di Jabatan Penyiaran Malaysia, Kementerian Penerangan. Saya di bahagian radio. Masa tu saya di radio *four* [4] RTM.

**NAZ: Oh. So [jadi] sepanjang puan bersekolah, puan ada bergiat aktif dalam bidang seni ke macam tarian ke nyanyian ke?**

FN: Tarian dan nyanyian lah.

**NAZ: Oh so [jadi]...**

FN: Daripada darjah satu [1]. Masa tu arwah cikgu saya, Cikgu Mariam dia memang mendidik anak murid dia menari tarian-tarian melayu ni lah. Dan pada waktu yang sama, dia ada kawan (membetulkan pelitup muka) yang mainkan muzik untuk dia bila dia mengajar kami menari tu arwah pakcik (berfikir) Pakcik Arshad dia main \_ . Dari situ lah saya belajar nyanyi lagu-lagu melayu asli.

**NAZ: Oh. So [jadi], kiranya puan pernah dapat apa-apa anugerah tak *time* [masa] sekolah tu?**

FN: Takde, tak ingat pon saya.

**NAZ: Oh tak ingat.**

FN: Tak ingat sebab hmm tak tahu tak ingat.

**NAZ: Oh.**

FN: Kalau anugerah pelajar terbaik tu tidak lah tapi saya selalu akan dapat hadiah kerana Bahasa Melayu bagus.

**NSA: Maaf puan, kalau tak keberatan boleh tak tanggalkan *mask* [pelitup muka] takut tak dengar dalam audio.**

**FN:** Tak dengar?

**NSA: Haah.**

**FN:** (buka pelitup muka) COVID - - [Coronavirus Disease] ni saya risau.

**NSA: Takpe \_ kita orang tak...**

**FN:** Korang tak apa?

**NAZ & NSA: Kita orang tak bukak *mask* (gerakan tangan).**

**FN:** *You* [awak] *all* [semua] dah vaksin? (tunjuk ke arah NSA & NAZ)

**NAZ & NSA: Dah (ketawa)**

**NSA: Okay [baik] puan, lepas kita dah bercakap tentang latar belakang puan, kita dah tahu sekolah puan apa semua, boleh tak saya kita orang nak tahu siapa idola puan yang membuatkan puan nak menceburi dalam industri seni ni?**

**FN:** Takde. Saya takde idola. Saya... saya suka tengok filem melayu. Daripada kecik-kecik arwah bapak dan mak suka tengok filem. Jadi saya kalau tengok Nordin Ahmad berlakon ke Latifah Omar berlakon tu saya rasa saya berlakon dalam tu.



**NSA & NAZ: Oh.**

FN: Kemudian bila arwah bapak dengan mak ada kantin di Taman Budaya 165, Jalan Ampang [Kuala Lumpur, Malaysia], Kementerian Kebudayaan dan Belia dan Sukan pada waktu itu disitu lah saya didedahkan dengan kesenian nyanyian, muzik, tari dan sebagainya lah. Dan disitu saya mula belajar macam mana nak berlakon, saya nak menari dan sebagainya. Disitu. Saya adik beradik (menepuk tangan) saya lima [5] orang. Saya yang anak sulung (mengira menggunakan jari), saya Fauziah. Nombor dua [2] Fauzi, nombor tiga [3] Mustafa Fuzer Nawawi, nombor empat [4] Fazidah dan nombor empat [4] nombor lima [5] Nasran Nawawi. Jadi kami semua memang bernasib baik sebab kami anak orang kantin tapi kantin di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Taman Budaya 165, Jalan Ampang [Kuala Lumpur, Malaysia]. Jadi sebab kami anak orang kantin boleh kami masuk mana-mana dan itu membuka ruang untuk kami lah. Membuka ruang untuk saya, membuka ruang untuk adik-adik saya macam adik saya Mustafa Fuzer, Dato Mustafa Fuzer Nawawi tu dia mantan pengarah muzik konduktor untuk *National Symphony Orchestra*. Dia pon baru saja bersara dan tempat dia digantikan oleh adik kami yang bongosu, Nasran Nawawi. Jadi dua-dua beradik ni dorang tak main muzik biasa, mereka main *classical* [klasikal] muzik dan mereka (menggerakkan tangan) mendapat apa orang kata, pengajian mereka semua di luar negara. Itu \_\_ adik saya nombor dua [2] tu dia orang silat. Yang nombor yang nombor yang nombor lima [5] \_ [sic, nombor empat] Fazidah dia memang *full time* [sepenuh masa] *housewife* [suri rumah] tapi dia pernah lah juga terlibat dengan tarian dan sebagainya tapi dia tak teruskan lah.

**NSA: Okay lepas kita dah cakap tentang idola puan, \_\_ apa ni idola puan tapi puan takde.**

FN: Saya takde idola pon waktu tu, saya suka semua orang dan kemudian saya bertemu dengan guru-guru saya, guru-guru berlakon. Mula-mula dengan arwah Mahtadi Rahman dan saya berjumpa dengan Tuan Haji Ahmad Yatim. Saya berjumpa dengan Mustafa Nor dan saya \_\_\_\_\_ cikgu saya lagi sorang ialah Joe Hay Shem ha itu. Saya

bernasib kerana langkah saya itu saya kira betul. Saya bertemu dengan orang yang betul, guru-guru yang memang berkeelayakan itu.

**NSA: Guru-guru tu yang mendorong puan untuk menceburi...**

FN: Mendorong tu (meletakkan muka di tangan) saya tak boleh nak kata mendorong, itu mungkin \_ \_ \_ \_ \_ saya dah suka. Saya suka dan *family* [keluarga] mak bapa tak marah. Nak kata dorang menggalakkan sangat pon tidak, melarang pon tidak. Jadi satu perkara yang bapa selalu pesan kalau nak buat, buat betul-betul, jangan buat separuh-separuh.

**NSA: Apa yang kita nak kita teruskan.**

FN: Ya.

**NSA: Pada pendapat puan lah kan, boleh tak kita orang nak tahu apa perbezaan (gangguan bunyi) pelakon dahulu pelakon veteran dengan pelakon yang baru? Mungkin pelakon sekarang lah mungkin dalam segi kualiti dia orang.**

FN: \_ \_ \_ saya sebenarnya (menggaru kepala) tak suka lah orang panggil saya veteran. Veteran ni macam orang pergi perang. Pelakon dia akan terus (gerakan tangan) jadi pelakon selagi dia mampu selagi dia tak nyanyuk selagi dia tak mati. Tapi orang suka panggil veteran (gerakan tangan), nak buat apa ni, macam mana kan. Kalau saya nak cakap pasal dulu dan sekarang memang banyak perbezaannya. Satu [1] dulu, kalau nak belajar memang dengan guru. Bila berdepan, takde apa-apa. Kita takde macam sekarang boleh tekan cari.

### **NSA: Media sosial kan?**

FN: Kemudian sekolah, universiti semua ada kan. Kami dulu tak. Kami belajar dengan alam. Kami belajar dengan guru-guru yang hebat-hebat kan? Dan kalau nak bercakap tentang kualiti dan sebagainya, itu pada saya tak adil sebab kualiti ini bukan pasal orang dulu orang sekarang. Orang dulu pon entah apa-apa. Minta maaf (meletakkan tangan di dada) saya cakap sebab *you* [awak] tak belajar. Dan bila *you* [awak] bercampur dengan orang baru, *you* [awak] banyak ketinggalan. Cara orang sekarang \_\_\_ lakonan dia lain sebab semua dah belajar, semua dah tahu. Jadi orang-orang macam saya harus kena apa orang kata, *add - - value* [tambah nilai] untuk apa yang kita dah ada dan kita kena tahu macam mana untuk kita menyesuaikan diri dengan keadaan sekarang. Kalau nak bercakap tentang disiplin, saya boleh cakap lah orang dulu disiplinnya lain. Orang dulu kalau dengan guru...

### **NSA: Hormat?**

FN: Bukan saja hormat, dia dengar. Dia percaya cikgu dia. Tapi sekarang ramai tak. Dorang rasa dorang lebih pandai daripada cikgu dia. Nak pulak kalau cikgu takde *qualification* [kelayakan], takde *paper* [kertas]. Kan?

### **NAZ & NSA: Betul.**

FN: Itu. Bagus tak bagus itu akhirnya terpulang pada diri awak sama ada awak terus menajamkan awak punya kraf sebab lakonan ni hidup. Tak kan sampai bila-bila sama je lakonan awak. Kan? Saya tak kata pula orang dulu-dulu tu hebat sebab dalam lakonan ni takde betul takde salah cuma \_\_\_ adakah sesuai, efektif atau tidak. Dulu memang bagus untuk waktu itu lah tapi pada waktu sekarang kita rasa. Kan? Jadi apa orang macam saya patut buat? Saya kena belajar lah.

**NSA: Ha betul.**

FN: Menyesuaikan keadaan dan lebih mudah untuk saya sebab saya orangnya yang terbuka. Dan saya sentiasa lapangkan ilmu. Jadi itu yang saya sampai pergi belajar balik. Saya pergi Open University [Malaysia] walaupun tak macam orang biasa. Saya dapatkan saya punya master, saya dapatkan saya punya diploma untuk sebagai seorang pengarah. Kan? Akhirnya baru saya faham, *paper qualification* [kertas kelayakan] itu sangat penting. Bila kita takde *paper qualification* [kelayakan] sangat susah. Bila *you* [awak] nak bekerja mana-mana, orang nak letak tanda gaji *you* susah. Dia tak boleh letak sebab *you* orang lama, gaji *you* kena banyak. Tak. Sebab bila \_kecuali kita bekerja dengan orang pihak swasta. Swasta lain.

**NSA & NAZ: Haah betul.**

FN: Kerajaan tak. Dia nak *paper qualification* [kertas kelayakan]. Suka tak suka *you* [awak] kena ada semua itu.

**NSA: Betul.**

FN: Kan? Dan orang-orang sekarang saya selalu cakap budak-budak sekarang, habiskan pelajaran. Dapatkan. Sebab apa, kalau kita takde *paper qualification* susah akhirnya dan kita akan banyak ketinggalan. Dan jadi seorang pelakon ni kita tak boleh terus rasa kita hebat, kita tak boleh rasa kita tahu semuanya. Tak. Setiap hari adalah satu benda yang baru yang kita akan temui, perkara yang baru yang kadang-kadang kita tak tahu dan kita jangan rasa kita terlalu tinggi untuk bertanya. Kadang-kadang sebab tu saya suka bercampur dengan budak-budak baru yang ada *qualification* [kelayakan] dan sebagainya. Jadi saya belajar dari mereka. Kan? Dan saya, saya sesuaikan dengan keadaan saya bagaimana nak menerima waktu itu dan sebagainya. Jadi pembelajaran tu tak pernah habis. Orang lama emm orang lama. Saya tak berapa gemar lah bila orang

cakap, orang dulu-dulu lagi bagus. Tak. Budak-budak sekarang ramai yang bagus cuma mungkin, mungkin jalan untuk mereka tu terlalu mudah yang mereka kadang-kadang ambil mudah. Kan? Tak jaga disiplin, tak jaga macam-macam banyak benda lah. Kan? Dan sekarang apa media sosial.

**NSA: Haa media sosial.**

FN: Membantu mereka.

**NSA: Haah nak naikkan *follower* [pengikut] peminat.**

FN: Ya. Dan itu pulak dah jadi...

**NAZ: Satu *trend* [aliran].**

FN: Satu *trend* [aliran].

**NSA: Apa komen puan pasal...**

FN: Kalau TV stesen tu saya tak tahu nak cakap apa lah. TV stesen dorang cari duit.

**NSA & NAZ: Betul-betul.**

FN: Jadi apa yang kita harus perbuat sekarang? Sebab itu saya kata kita perlu ada satu lagi *team* [pasukan] ataupun (berfikir) pembuat filem ataupun pembuat drama ataupun \_ teater yang ada dia punya visi. Yang tidak terikut-ikut dengan apa yang ada sekarang. Kan? Saya tak faham kalau orang buat teater atau buat drama takde latihan. Saya tak faham. Saya tak faham orang datang set tak bersedia. Saya tak faham macam mana the *so* [jadi] *called* [panggilan] *instafamous* [insta terkenal] ke *whoever* [sesiapa sahaja] masuk tapi tak tahu apa-apa. Itu saya tak faham. Ini bukan soal “oh orang lama dengki ke apa”. Tak. Menyusahkan.

**NSA: Haa betul-betul.**

FN: Menyusahkan semua pihak. Haa itu. Bagus saya suka ramai dan sekarang semua orang sibuk lepas PKP ni semua orang sibuk tak cukup pelakon. Kenapa kita tak cukup pelakon? Sebab kita asyik gunakan orang itu - -. Kita tak bagi peluang dan ruang kepada orang lain yang ada bakat cuma mereka tidak punya nasib yang baik, peluang dan ruang yang baik. Yang hebat-hebat sekarang ni dulu pon tak hebat mana pon. Tak cantik. Bila you ada duit, boleh jadi cantik kot.

**NAZ: (ketawa kecil)**

FN: Itu pada saya tapi mungkin pada orang lain tidak. Kan? Berapa ramai pelakon-pelakon dulu tak cantik tapi bila ada duit boleh jadi cantik kot? Itu semua kosmetik kan? Betulkan gigi you yang senget ke, buat hidung yang penyek ke, besarkan mata yang sepet ke *whatever* [apa-apa sahajalah]. Tetapi bakat *you* [awak] macam mana? Kemudian kita bising kenapa kita tak boleh pergi jauh. Memang kita takkan pergi jauh kalau dengan keadaan kita kerja sekarang.

**NSA: Betul.**

FN: Hari esok nak *shoot*, harini baru dapat skrip terus masuk *shoot*. Macam mana? Jadi setiap cerita *title* [tajuk] lain tapi pelakon yang sama, sama je.

**NAZ: Betul.**

FN: Saya tak kata saya hebat (diam). Tapi saya buat kerja. Susah kita orang ni dulu nak dapat tempat.

**NSA: Faham-faham.**

FN: Sangat susah. Sekarang *instafamous* [insta terkenal] je terus masuk.

**NAZ & NSA: Haa betul.**

FN: Kan?

**NSA: Haah. *Instafamous* [insta terkenal] banyak *follower* [pengikut], rupa cantik.**

FN: Ya.

**NSA: Terus jadi artis.**

FN: Kan?

**NSA: Betul.**

FN: Pastu kita punya drama filem kita punya hancur, nak salahkan siapa? Kalau *you* [awak] cakap tentang industri, pada saya takde industri lagi. Apa industrinya kalau macam ni je keadaannya. Orang belakang tabir kerja teruk gaji kecik. *Working condition* [keadaan kerja] teruk. (Diam). Industri tak.

**NSA: Betul puan.**

FN: Kita dah jauh ketinggalan dengan Korea, jauh ketinggalan dengan Thailand, jauh ketinggalan dengan Indonesia. Padahal dulu kita hebat. Begitu juga dalam sukan. Bola dulu kita hebat. Kenapa sekarang kita jauh ketinggalan dengan Korea dan segala-galanya tu?

**NSA: Betul puan.**

FN: Sebab kita tak pernah, tak pernah mengambil berat, tak pernah buat latihan, tak pernah menambah kualiti kita. Yang dah hebat-hebat tu dah habis, habis terus.

**NAZ & NSA: Betul-betul.**

FN: Pastu kita sibuk cari mana pergi, mana pergi. Memang takde. Kita takde pon pelapis. Kan?

**NSA: Hmm betul.**



FN: Itu saya selalu cakap kalau macam ni baik tutup semua sekolah-sekolah seni dekat universiti tu. Budak-budak yang ada *qualification* [kelayakan] keluar, apa-apa jaminan untuk dorang? Takde. Dorang susah nak masuk.

**NAZ & NSA: Betul.**

FN: Itu akhirnya jadi chef lah, sekuriti lah. Buat kerja yang bukan bidang dia orang. Dan orang-orang yang dalam ini pon ramai yang dah lari dah. Terpaksa kerana tuntutan hidup. Kan? Dalam komersial, dulu kita ada *Made In Malaysia* [Buatan dalam Malaysia]. Sekarang dah takde. Jadi komersial tu gambar. Dulu kalau nak keluar dekat sini mesti pelakonnya, pekerjaanya mesti dari Malaysia. Jika tidak tak boleh. Dan waktu itu berbilion duit dari komersial untuk negara pendapatan. Tapi sekarang dah takde sebab semua yang hebat-hebat terpaksa kerja keluar sebab sini dah takde apa. Dah berapa banyak dah *company* [syarikat] yang tutup, gulung tikar.

**NSA: Betul puan.**

FN: Jadi kalau bertanya saya, kalau nak tahu tentang yang indah-indah takde. *This is reality* [Ini adalah kenyataan].

**NSA: (mengangguk kepala)**

FN: Kan? Saya dah masuk di sini, saya dah takkan keluar. Susah ke senang ke apa saya lalu lah. Sebab ini pilihan saya. Tapi berapa ramai yang boleh begini? Tak boleh.

**NSA: Tak semua orang boleh.**

FN: Tak boleh. Sebab tu kalau boleh saya taknak anak-anak saya masuk dalam industri ni yang dipanggil industri ni. Saya taknak cucu saya pergi belajar filem pon tapi dorang nak.

**NSA: Minat?**

FN: Minat ataupun \_\_\_ dorang boleh mereka melihat benda yang lain barangkali. Dan kawan-kawan saya selalu cakap “takpe bu, biar benda lain”. Tapi kalau macam ni keadaannya, masa depan saya bimbang. Betul, rezeki dari Allah. Tapi susah. Sebab tu saya kata tak payah lah jadi pelakon. Pi sekolah pi ambil belajar universiti tinggi-tinggi bagus-bagus jadi *lecturer* [pensyarah], jadi doktor, jadi apa. Dan bila kita bercakap tentang rezeki dan sebagainya, akhirnya bila PKP *pilot* [juruterbang] hancur, *engineer* [jurutera] habis semua habis. Yang *survive* [bertahan] siapa? Orang-orang yang kuat. Orang-orang yang hidupnya sentiasa menokang arus dari awal. Mereka sudah mempersiapkan diri melalui saat-saat seperti ini. (Suasana sepi). Akhirnya apa yang dipanggil haa (berfikir). Bukan kebolehan.

**NAZ: Keupayaan?**

FN: Hmm (berfikir). Macam mana *you* [awak] nak *deal* [berurusan] dengan kehidupan. Itu yang patut diterapkan pada anak-anak kita daripada kecil. Apa ya ada satu ayat tapi saya tak ingat. Bila saya orang tak bersekolah macam ni lah. Kan? *How to* [macam mana] (berfikir) macam mana ya...

**NAZ: *How to adapt with the situation* [Bagaimana untuk menyesuaikan diri dengan keadaan] ?**

FN: *How to adapt with the situation* [Bagaimana untuk menyesuaikan diri dengan keadaan].

**NSA: *How to fit* [bagaimana untuk muat]?**

FN: *Not only that* [bukan sahaja itu]. Dipanggil apa ya saya lupa satu perkataan. Nanti saya cakap kalau saya ingat. Kan? Takde. Kita tidak diberi benda-benda tu. Disini lah kita punya pembelajaran. Kalau di luar negara, dorang bukan kejar A. Dia macam mana *how to deal* [bagaimana untuk berurusan] dengan *life* [hidup]. *How* [Bagaimana] *to* [untuk] kemahiran hidup.

**NAZ: Kemahiran hidup.**

FN: Kita takde. Kita takde. (Suasana sepi) Macam mana untuk jadi seorang pengutip sampah yang hebat? Kita takde sebab orang nampak kutip sampah tu kan kerja pengutip sampah tu sangat hina. Tapi kalau di luar negara lain. Kan?

**NAZ: Betul.**

FN: Kemahiran hidup kita takde. Nak mencakul tanah pon tak reti. Nak ketuk apa paku dekat dinding pon tak reti. Nak parut kelapa pon tak reti sebab semua pakai *machine* [mesin]. Nak giling cili pon tak reti. Kemahiran hidup lah itu. *What will happen to you* [Apa akan jadi kepada awak] kalau *you* [awak] takde benda-benda ni semua? *You* [awak] kena *back to basic* [kembali kepada asal]. Macam mana *you* [awak] nak *handle* [mengendalikan]? *You* [awak] tak reti nak basuh baju sebab takde *washing machine* [mesin basuh]. Jadi saya minta maaf lah kan kalau orang dengar pandai-pandai lah Fauziah Nawi ni. Tak, ini masalah kita punya sistem pembelajaran. Asyik A - - lepastu nak menghadapi hidup tak tahu.

**NAZ: So [jadi] kita boleh cakap *survival skills* [kemahiran hidup] tu sebenarnya penting sangat dalam hidup.**

FN: Sangat penting lah sebab *survival skill* [kemahiran hidup]. *That's why* [sebab itu] mak bapa kita zaman-zaman saya sangat *strict* [tegas]. Kalau zaman sekarang itu apa, kalau marah ke anak ke apa ke itu dah jadi apa tu apa...

**NAZ: Satu penderaan.**

FN: Penderaan. Boleh *report* [laporkan]. Kalau dekat mana Switzerland ke dekat mana, mak bapa boleh masuk penjara.

**NAZ: Kalau kita macam nampak macam orang dulu-dulu dah *hanger* [penyangkut] semua tu dah pernah lalui cuma zaman sekarang ni bila...**

**NSA: Cara untuk mengajar.**

FN: Haah sekarang semua nak bercakap dengan anak-anak psikologi. Takde mahunya psikologi.

**NSA: Betul.**

**NAZ: Sebab orang kata tak semua benda kita kena *settle* [selesai] kan dengan psikologi.**

FN: *No* [tidak]! *No* [tidak]. Sebab tu anak sekarang anak dengan mak pon panggil *you* -- [awak] je.

**NAZ & NSA: (ketawa)**

**NSA: Betul puan.**

FN: Orang putih konon. Tapi yelah tapi ipar saya orang, orang Jerman. Tapi dia kalau anak-anak dia lepas makan tak angkat pinggan dia akan cakap apa tau? "Kau ingat dalam rumah ni ada *maid* [pembantu rumah]?" Dok \_\_\_\_\_. Kan? Kenapa kita selalu meniru benda-benda yang tak elok? (Suasana sepi). Kan?

**NSA: Betul.**

FN: Kita susah. Saya entah. Saya dah sampai satu [1] penghujung dah. Umur saya dah enam puluh lapan [68]. Kan? *My time are numbered* [Masa saya berkira]. *Shooting* [penggambaran] asyik sewa rumah orang. Kan? Tak cukup duit asyik pakai barang rumah orang. Semua nak cepat pastu kita ada hati nak pergi OSCAR. Bagus nak pergi tapi proses itu kita tak betul. Kan?

**NAZ & NSA: Betul.**

FN: Sebab tu saya tanya, \_\_\_ awak dari mana, awak ambil apa. Kan? Itu saya pelik awak takde kena mengena dengan awak punya kerja, awak punya pengajian. Kenapa awak nak tanya saya? Kan? Haa itu. Sebab saya macam kesian. Mak bapa hantar lepastu *at the end of the day* [pada penghujung hari] tak jadi apa sebab takde peluang dan ruang untuk dia orang. Kalau saya pernah dihantar \_\_\_ menghadiri bengkel pengurusan seni

di Korea Selatan [Korea] oleh kementerian. Disana, 2002 tak salah saya. 2001 saya pergi masa tu festival filem tak salah saya. Perkampungan filem dia orang waktu tu tengah buat tau. Berapa ekar?

**NSA: Filem apa tu puan?**

FN: Perkampungan untuk dia orang *shooting* [penggambaran].

**NSA: Ohhh**

FN: *That's why* [sebab itu] kalau *you* [awak] tengok cerita-cerita dia orang, yang cerita-cerita epik dan sebagainya tu *you* [awak] nampak macam *real* [sebenar] kan? Sebab dia orang ada tempat.

**NSA: Sediakan satu tempat.**

FN: Memang. Patutnya ada itu. Kita takde lah sewa rumah orang.

**NSA: Betul-betul**

FN: Kan? Pastu kadang-kadang kita terlupa rumah orang sampai dua [2] pagi tak habis-habis lagi. (suasana sepi) Banyak benda lah yang kita entah tak tahu.

**NAZ: (ketawa kecil)**

FN: Kan? Susah dan kita tengok drama ini rumah ini drama itu rumah ini. Sebab rumah itu je yang bagi. Pastu kita kata entah pape lah Malaysia ni. Bukan tah apa apa, keadaan. Skrip macam tu juga. Oh semua orang kata nak kena cantik, nak kena apa *instafamous* [/insta terkenal] kalau tak orang tak nak tengok. Sekarang saya nak tanya, semua tengok drama apa drama atau filem hindustan (getaran telefon) hindustan tu takpa lah orang semua dah kenal. Korea - - ni. Korang kenal dia orang ni? Tak kenal pon dulu. Tapi kenapa *you* [awak] tengok? *Content* [kandungan] dia bagus.

**NSA: Cara jalan cerita dia orang.**

FN: Ya.

**NAZ: Sangat berbeza.**

**NSA: Berbeza.**

FN: Berbeza kan?

**NSA: Betul.**

FN: Kalau kita asyik-asyik apa?

**NSA: Cinta?**

**NAZ: Cinta-cinta.**

FN: Cinta takpe. Tapi cinta orang muda je. Orang tua takde cinta ke?

**NAZ & NSA: Betul**

FN: Kan? Kau nak bercakap tentang koperat berjuta-juta tapi pelakonnya kita tak nampak pon tahu tentang juta-juta tu. Sebab kita tidak ada ilmu.

**NSA: Betul puan. Ilmu itu penting.**

FN: Kan? Kenapa kita tak \_\_\_\_\_. Belajar lah dari Korea. Mereka menjual eh menjual budaya mereka, menjual pemikiran mereka ke dunia dan di terima. Dan semua orang semua nak jadi Korea, K-POP. Kenapa kita nak jadi K-POP? Dah muka semua yang hero pon dah jadi macam perempuan pon ada.

**NAZ: Betul.**

**NSA: Betul puan.**

FN: Dalaman takde. Saya bukan orang yang banyak dapat *award* [anugerah]. Takde. Tapi penghargaan kerajaan bagi saya lain. Kan? Kenapa orang-orang industri ni industri tak suka dengan budak-budak teater? *What's wrong* [Apa yang tidak kena]? (Suasana sepi). \_\_ teater sangat. *What do you mean by* [apa yang awak maksudkan dengan] teater sangat? Kesian eh. Kesian.

**NAZ: So [jadi] kiranya boleh cakap patutnya kita punya industri seni ni kena banyak lagi belajar pasal untuk menaikkan taraf kita punya kualiti...**



**NAZ: (Ketawa kecil) takpe. So [jadi] kita dah tahu tentang latar belakang, idola, pendapat puan Fauziah Nawi. Jadi kita nak tahu pulak tentang apakah *career* [kerjaya] awal puan Fauziah Nawi dalam bidang seni ini. Adakah dari menyanyi ke tarian ke?**

FN: Saya mula dengan menari, menyanyi. Kemudian baru berlakon. Bila saya *start* [mula] berlakon, saya rasa itu dan saya bukan penyanyi yang hebat. Saya malu. Untuk menari sampai bila saya nak menari walaupun saya suka menari. Tapi rupanya apa yang saya dapat saya belajar saya dapat menari, menyanyi, berlakon dan sebagainya, itu sangat berguna untuk saya bila saya dipanggil untuk buat muzikal. Bila saya kena *direct* [arah] *title* [tajuk] muzikal. Kan?

**NAZ: So [jadi] kiranya sebelum menggiatkan diri dalam bidang seni ni, puan ada menjalani apa-apa uji bakat tak? Macam uji bakat tarian, menyanyi.**

FN: Uji bakat tarian takde. Menyanyi sebab saya masuk bintang RTM. *Okay* [baik]? Untuk lakonan, tahun tujuh puluh tiga [73] kawan saya yang sama menari dengan saya nama dia Haji Ismail . Dia kata “Ji kau nak ikut aku?” “Pergi mana?”, “Pergi RTM aku ada *shooting* [penggambaran] drama.” Dulu-dulu dalam RTM tu semuanya dalam studio. Kita pakai (menyilangkan kaki) apa orang kata MCP, Multi Camera Production. Ada empat [4] atau lima [5] kamera dalam studio. Ada buat bentuk rumah dan semua tu dalam tu lah. Jadi kebetulan waktu itu mereka memerlukan *talent extra* [bakat tambahan] orang panggil sekarang. *Talent* [bakat] untuk duduk di bar. Duduk di bar konon dulu-dulu boleh benda-benda ni. Kan? Saya letak lah ada gelas tu teh o yang nampak macam *beer* [bir] ke apa. Saya pon tak biasa minum, saya tak pernah minum pon tak reti pon. Mintak saya duduk di situ, pastu saya kata “kalau isap rokok boleh ke?” saya kata, “boleh.” kata dia orang. Zaman itu boleh. Semua boleh. Saya orang yang suka mencuba dan saya orangnya tak takut.

**NSA: Betul**

FN: Saya bukan lah orang yang takut. Saya tak peduli kau siapa. Itu Allah anugerahkan saya satu rasa yang begitu. Saya, *I am not starstruck person* [saya bukan orang yang terharu]. Kan? *So* [jadi], situ lah *floor manager* [pengurus lantai] mintak saya duduk di situ *so* [jadi] saya dapat *one tracking long shot* [satu penjejukan panjang] (menggerakkan tangan). *Long tracking* [penjejukan panjang] lama lah. Nampak lah muka saya tu. Habis saja tu dorang panggil saya besok datang *audition* [uji bakat]. Saya terus dapat dan drama pertama yang saya berlakon waktu tu \_\_ untuk RTM *black and white* [hitam dan putih] lagi “Tahan Kinabalu”. Saya pelakon yang baru diperkenalkan, Hasnah Karim juga pelakon yang baru diperkenalkan. Hasnah juga penari, kawan saya. Waktu itu “Tahan Kinabalu” diarah diterbitkan, dia tak panggil pengarah. Kalau - - untuk TV dia panggil \_ producer penerbit, arwah Rusli Jalil. Yang berlakon ketika itu ialah Dato’ Rosnani Jamil, Opah itu semua nama besar. Dato’ Seri Aziz Singah (berfikir). Apa manan?

**NAZ: Erman Manan ke?**

FN: Eh Erman Manan takde (ketawa). Erman Manan takde. Ada lah seorang tu. Belah semua tu dah hebat-hebat tapi saya tak heran. Dari situ saya mula. Sebab saya pegang cakap cikgu saya. Semua kita sama, apa yang membezakan kita dengan orang lain adalah pemikiran kita dan cara kita bawa diri, cara kita menangani sesuatu masalah. Itu cikgu saya cakap. Tak payah nak heran dengan orang. Tapi itu bukan maknanya kita jadi sombong dan saya tak diberi rasa takut dan gerun melihat orang-orang ini. Alhamdulillah. Tapi saya selalu risau tiap kali saya dapat job baru. Walaupun saya dah banyak kali jadi mak - - tapi saya risau sebab mak yang ini lain berbeza dengan mak yang A B C D E F G. Kesedihan A B C D E F G lain.

**NSA: *So* [jadi] puan, puan kan pernah menceburi dalam bidang nyanyian kan. *So* [jadi] puan tak pernah ada menghadiri ujibakat ke apa ke dalam menyanyi?**

FN: Takde. Cuma ujibakat untuk pergi bintang RTM lah. Eh *no* [tidak] bakat TV dan yelah bintang RTM.

**NSA: Dari situ puan menyanyi lah?**

FN: Sebab saya memang dah menyanyi. Saya menyanyi, saya menari. Waktu tu saya menari. Saya menari dalam kumpulan saya. Saya juga jadi penyanyi.

**NSA: Apa judul pertama lagu puan? Penerimaan orang?**

FN: Saya tak tahu lah. Saya rasa saya tak bagus kan. Ada lah buat EP dan sebagainya tapi saya rasa saya tak bagus. Tapi ilmu itu berguna untuk saya sekarang sampai sekarang. Bila saya dengar orang menyanyi, saya tahu dia salah. Saya tahu dia sumbang, dia *flat* [rata]. Sebab saya pergi belajar. Guru vokal saya ialah Professor \_\_ \_\_ \_\_. Yang banyak mengajar ramai pelakon-pelakon, penyanyi-penyanyi sekarang. Yang menyanyi lagu klasikal dan sebagainya kan. Itu guru saya. Tapi saya tak sehebat guru saya sebab saya tak boleh baca. Itu masalah. Walaupun saya pernah teringin nak jadi macam Maria Callas tak boleh. Saya dah tak boleh baca tapi saya tahu. Saya tahu dimana kemampuan saya sebab saya tak bagus.

**NAZ: So [jadi] sepanjang menjadi seorang penyanyi tu, puan ingat tak berapa banyak judul lagu yang pernah puan keluarkan?**

FN: Tak banyak. Saya ada dua [2] EP je. Dua [2] EP dua dua (mengira) ada lapan [8] jelah.

**NAZ: Oh lapan [8] jelah.**

FN: Haah. \_\_\_ saya pon menyampah dengar.

**NAZ: So [jadi] kiranya time [masa] menjadi seorang penyanyi tu, puan ingat tak berapa bayaran yang pernah puan dapat pada ketika itu lah.**

FN: Saya tak ingat tapi kita orang selalu pergi *fun fair* [pesta ria].

**NAZ: Oh *fun fair* [pesta ria].**

FN: *Fun fair* [pesta ria] tu maknanya pergi *fun fair* [pesta ria] tapi sekarang dorang panggil apa tah tak tahu macam naik sangat dia punya taraf tapi \_ *fun fair* [pesta ria] saya katakan. Dulu 150, 120 dan duit dapat 100 seringggit - - yang *collection* [kutipan] tu. Berapa ramai penyanyi-penyanyi yang hebat-hebat sekarang pernah disitu. Itu cari makan dia orang. Dan saya waktu itu mungkin saya tak peduli kot sebab saya kerja. Saya *rarely* [jarang] buat *full time* [sepenuh masa] bila saya dah tak kerja. Saya berhenti daripada RTM 1985 kerana keadaan saya terpaksa. Saya bukan terpaksa, saya kena mengutamakan keluarga saya. Arwah mak sakit, arwah suami sakit, arwah bapa sakit. Jadi dari saya selalu pergi kerja lambat, menipu saya ambil berhenti lah.

**NAZ: Oh faham. So [jadi] kita ke *next topic* [topik seterusnya] *which is* [iaitu] tarian. Untuk tarian tu puan masih ingat tak persembahan pertama yang puan buat tu dekat mana?**

FN: Eh tak ingat (menggelengkan kepala).

**NAZ: (ketawa) Sebab dah lama kan.**

FN: Dah terlampau lama sebab saya tak ingat lah dekat mana pertama ke apa ke saya tak ingat tapi waktu-waktu saya menari dulu tu dalam dengan kumpulan saya di Seni Tari Asli Kuala Lumpur [Malaysia] tu. Kami tiap-tiap malam menari di Merlin Hotel dan sekarang dah jadi Concorde Hotel. Kami menari di \_\_\_\_, *one hour show running show* [satu jam persembahan dijalankan].

**NAZ: So [jadi] kiranya buat persembahan tarian tu pon puan ada dapat bayaran apa-apa...**

FN: *Of course* [sudah tentu] lah kita dapat gaji bulan. Gaji bulan nya 300 je. Duit 300 bayar penari tu lah saya buat belanja. Gaji, gaji yang saya dapat dari kerja saya siang semua bagi mak.

**NSA: Okay [baik] puan...**

FN: Waktu saya menari tu, Datin Seri Rosmah Mansor pon menari dengan saya. Masa tu dia budak UM [Universiti Malaya, Malaysia]. Cari duit, duit-duit poket.

**NAZ: Oh, so [jadi] kiranya dia jadi rakan tarian puan lah pada ketika...**

FN: (angguk)

**NSA: Puan macam pernah menari tarian apa? Means macam tarian zapin ke?**

FN: Saya zapin jarang dapat. Saya tak dapat. Saya yang lain-lain. Zapin tu memang susah lah. Mungkin dia orang melihat saya tak boleh buat kot. Saya buat ngajat, saya buat sumazau. Yang lain-lain tu ada lah asyik dan sebagainya dan saya pernah perform di Tokyo [Jepun] tak ingat tahun berapa dengan Yayasan Seni di bawah apa ni (berfikir) Yayasan Seni Tun Puan Mahani Daim. *So* [jadi] kita *perform* [persembahkan] dekat sana tarian Raja Bersiong. Saya punya tugas waktu itu mula-mulanya menyanyi sahaja tapi akhirnya arwah Pak Mail Bakti minta saya menari. Saya kena jadi tukang masak tu sebab dia dah takde orang. Pastu saya dah kata “saya dah lama tak menari ni.” saya kata. “Boleh lah.” dia katakan. *So* [jadi] saya buat lah. Jadi saya perform, saya perform di Tokyo [Jepun]. Saya pernah mewakili negara dalam ASEAN Teater Festival di Bangkok [Thailand] dan juga di Brunei.

**NSA: Apa perasaan puan *time* [masa] tu? *Time* [masa] persembahan kali pertama puan buat depan orang ramai.**

FN: Suka lah!

**NSA: Seronok, *excited* [teruja].**

FN: Saya *excited* [teruja] tu satu hal tapi latihannya keras. *You* [awak] kena *perfect* [sempurna] lah. *Zero* [kosong] *mistakes* [kesilapan] lah kan. Sebab tu saya kata susah. Kita pergi sana, pergi Tokyo [Jepun] kot. Takde masa nak seronok-seronok. *Everyday* [setiap hari] *you* [awak] kena buat latihan before the show [sebelum persembahan]. \_\_ \_\_ dah habis *show* [persembahan] baru lah nak jalan-jalan ke apa ke dan Sanggar Teater Fauziah Nawi pernah juga buat *show* [persembahan] di London [United Kingdom] di Battersea Arts Center [London, United Kingdom] untuk *The Dance of The Warriors* untuk silat. Kami yang arrange [mengatur] kan semuanya dari sini. Pemuzik semua budak-budak saya. Budak-budak Teater Sanggar. Kemudian dikumpulkan beberapa orang pesilat dari beberapa kumpulan silat. Perform [persembahkan] di London Battersea Arts Center [United Kingdom]. Kami duduk sana sebulan.

**NSA: Lama ya.**

FN: Ya, *show* [persembahan] nya lapan [8] hari sahaja.

**NAZ: *So* [jadi kiranya teater (membuat sedikit pergerakan sambil bertanya) tu dalam Bahasa Melayu lah kan even [walau]...**

FN: Tak bercakap.

**NAZ: Tak bercakap (membuat pergerakan).**

FN: *It's a dance of warriors* [Ia adalah tarian pahlawan] dalam silat itu ada cerita. Dia orang boleh faham. Ya, sebab itu saya kata gerak kita kalau kita - - gerak kita betul, kita tak perlu cakap apa. Kita kalau cakap Urdu pon orang akan faham kalau kita bawak betul. Language is not a problem [Bahasa tidak menjadi masalah]. Kan? *So* [jadi] apa *you* [awak] malu nak buat perform [persembahkan] cakap Melayu dekat sana. Tak payah lah. Boleh apa? Yang Korea - - tu datang ingat dorang nak nyanyi lagu omputeh? Tak! Ada lah sikit-sikit kan? Dia tetap Korea dia. Tetap budaya dia, dia menjual budaya dia dan di import budaya dia dan dibeli oleh semua orang. Satu dunia. Kenapa kita tak boleh jadi gitu?

**NSA: Puan, kita orang ada baca dekat laman web internet puan pernah jadi seorang juruhebah radio (pergerakan tangan).**

FN: Ye, saya jadi juruhebah radio macam saya cakap tadi penyiaran. Jabatan Penyiaran tu radio lah. Kan? Kan saya dah cakap tadi saya kat radio *four* [4]. Saya dekat situ

hampir dua puluh [20] tahun. Dan saya memilih untuk berkhidmat di Jabatan Bahasa Inggeris. Saya tak nak Bahasa Melayu. Sebab saya nak *challenge* [cabaran]. Budak Melayu masuk \_\_ *network English* [Syarikat Televisyen Malaysia, Kuala Lumpur] macam mana (menyilangkan tangan sambil membuat pergerakan tangan).

**NSA: Selepas tu puan takde pergi ke stesen radio lain ke?**

FN: Tak (menyilangkan tangan).

**NSA: Takde.**

FN: Tak, tak (menyilangkan tangan).

**NSA: Puan hanya berkhidmat di RTM? (pergerakan tangan)**

FN: Ye, setia saya disitu (ketawa sambil membetulkan posisi duduk di kerusi).

**NAZ: Oh faham-faham.**

FN: Itulah universiti saya.

**NSA: Oh (menganggukkan kepala).**



**NAZ: So [jadi], puan dah menjadi penari, penyanyi dan juruhebah radio. So [jadi], kita nak tahu pula tentang perjalanan puan dalam bidang lakonan ni. So [jadi], boleh puan ceritakan tak apakah... (bertanya sambil membuat pergerakan tangan).**

FN: Kerana saya, saya adalah *train* [latih], juruhebah dan sebagainya. Jadi saya ada satu lagi karier saya adalah *VO talent* [bakat suara latar].

**NAZ: Oh (bercakap sambil menganggukkan kepala).**

FN: *Voice Over talent* [bakat suara latar] yang buat komersial semua tu. Saya mula-mula dibayar satu saat lima [5] ringgit. Dan sekarang saya punya *rate* [kadar] dah lain. Saya dah pergi ke tiga puluh [30] ke lima puluh [50] ringgit satu saat. Jadi, maknanya apa yang saya belajar semua tu akhirnya semua tu jadi saya punya pendapatan. Tak rugi pun. Kan? Tadi apa tadi pasal lakonan? (bercakap sambil membuat pergerakan tangan).

**NAZ: Lakonan perjalanan puan dalam bidang lakonan ni macam mana? Bila puan *start* [mula] menjejakkan diri dalam bidang lakonan ni? (bertanya sambil membuat pergerakan tangan).**

FN: Kalau ikut betul-betul tahun tujuh puluh tiga [73] lah, saya berlakon dekat drama tv. Itulah.

**NAZ: Itu kira drama pertama puan lah?**

FN: *Black and white* [hitam dan putih]. Tapi waktu tu saya dah buat, saya dah (berfikir) saya dah buat teater, saya dah menari, saya menyanyi. Jadi dari situ lah. Dan saya tak pernah menoleh kebelakang lah.

**NAZ: So [jadi], kiranya *time* [masa] permulaan puan jadi pelakon tu.. apa penerima (berfikir) penerimaan masyarakat terhadap puan?**

FN: Saya tak tahu. Zaman tu tak tahu. Kita kena baca surat khabar je. Kalau diorang suka, suka lah. Tak suka, tak suka. Bukan macam sekarang, boleh masuk dalam ni mengata (bercakap sambil menunjukkan telefon pintar) kita macam nak mampus kan? (meletakkan telefon pintar di atas meja).

**NSA&NAZ: (ketawa).**

**NAZ: betul (menganggukkan kepala).**

FN: Kan?

**NSA: Betul-betul (menganggukkan kepala).**

FN: *You* [awak] tak tahu pun kita ni tapi maki macam kau kenal macam aku ambil laki kau, aku ambil bapak kau (membuat pergerakan tangan). Aku macam aku mintak duit kat kau pula. Kan?

**NSA&NAZ: Betul.**

FN: Siapa yang maki kita? Orang kita.

**NAZ: So [jadi], kiranya *time* [masa] drama tu pun ada juga kan bergiat dalam teater. So [jadi], puan...(bertanya sambil membuat pergerakan tangan).**

FN: Saya punya *first love* [cinta pertama] teater.

**NAZ: So [Jadi], kiranya apa...(membuat pergerakan tangan).**

FN: Tapi saya pergi drama, TV ke filem ke tu semua nak duit je supaya supaya saya dapat duit tu untuk buat teater saya (membuat pergerakan tangan).

**NSA&NAZ: Oh (menganggukkan kepala bersama).**

**NAZ: Faham.**

**NSA: Faham-faham.**

FN: Kan? *Easy* [mudah] *money* [duit].

**NSA&NAZ: (ketawa kecil).**

FN: Tapi teater memang takde orang pandang pun padahal kalau dekat dekat (berfikir) dekat South Korea [Korea] tu dia akan kenal pasti *group* [kumpulan] mana. Oh ini Fauziah Nawi punya *group* [kumpulan]. Dia akan dapat, saya akan dapat apa ni (berfikir) apa dia bagi geran *certain amount of money* [sejumlah wang]. Okay, *you* [awak] buat. Kalau *you* [awak] gagal *you* [awak] takkan ditolong lagi. Sebab tu dekat sana orang teater yang main yang yang gendang dia apa semua tu diorang ada bangunan diorang ada tempat diorang buat gendang dia diorang ada tempat buat *merchandise* [barang dagangan] dia orang ada dia orang punya *restaurant* [restoran] dan setiap hari sepanjang 365 hari. Satu [1] tahun. Hari-hari diorang ada *show* [pertunjukkan]. Yang main gendang Korea tu diorang ada *show* [pertunjukkan]. Pukul sebelas [11] *show* [pertunjukkan] untuk mak-mak yang balik daripada pasar. Pukul 12 budak \_\_ orang balik daripada orang daripada *office* [pejabat]. \_ untuk makan dia tengok satu macam tu lah. Setiap hari. Jadi macam mana diorang tak boleh hidup. Macam mana tak boleh berkembang. Sini takde. Nak dapatkan bantuan *you* [awak] kena masuk *you* [awak] kena ada persatuan. Takde persatuan, tak boleh dapat. Dah tah sape-sape dapat bantuan. (terdiam seketika). Bukan saya marah. Saya tak dengki pon. Kan. Tapi itulah yang dilakukan oleh Korea Selatan [Korea] sehingga mereka menjadi hebat sekarang (bercakap sambil membuat pergerakan tangan).

**NAZ: So [jadi], untuk dalam teater tu. Puan ingat tak? Tajuk awal untuk teater puan tu... (bertanya sambil membuat sedikit pergerakan tangan).**

FN: Teater pertama sekali saya berlakon yang diarahkan oleh cikgu saya Ahmad yatim adalah tali. Kita orang masuk pertandingan.

**NAZ: Oh, dekat mana tu?**

FN: Saya tak ingat lah.

**NAZ&NSA: (ketawa).**

FN: Saya tak ingat. Saya ingat ada satu *festival* [perayaan]. Masa dulu ada *festival* [perayaan] teater *updated festival* [perayaan terkini] drama dia panggil *festival* [perayaan] tari. Itu memang dahsyat lah padahal hadiahnya bukan duit pun. Piala satu. Kan? Dan *hero* [wira] saya pada waktu itu adalah Dato' Ahmad Tarmimi Siregar. Tarmimi Siregar kawan saya daripada muda sampai sekarang (menerangkan sesuatu sambil membuat pergerakan tangan).

**NSA&NAZ: Oh.**

FN: Kita dah lalui macam-macam. Ha itu, itu teater saya yang pertama (bercakap sambil mengusap kedua-dua belah tangan).

**NAZ: So [jadi], kiranya sampai sekarang lah kan puan buat teater tu kan? (bertanya sambil membuat sedikit pergerakan tangan).**

FN: Saya buat lah. \_jadi bodoh lah kan.

**NAZ: Okay [baik]. So [jadi]... (melihat kertas).**

FN: Ye lah bodoh lah. Bukannya ada sangat orang nak tengok. *You* [awak] buat mana? *I* [saya] kat di studio. Tak nak. Bukan dekat IB ke?

**NAZ: So [jadi], kiranya...**

FN: Kalau tak IB tak nak datang. Sape *star* [bintang] *you* [awak]? Takde *star* [bintang]. Susah. Kita takkan dapat lah macam \_\_\_ ke apa ke. Ada hati nak jadi \_\_\_. Takde maunya. Kalau macam ni cara pemikiran kita, cara kerja kita. Takkan jadi. *Mark my word* [Ingat kata-kata saya]. Saya takde saya \_ saya berkali-kali nak cakap saya tak sakit hati pun dengan *instafamous* [seseorang yang terkenal di Instagram]. Itu itu dia punya rezeki. Tapi kita ni lah kita yang buat kerja ni. Kenapa kita kena terikut-ikut diorang semua? Pastu ada hati nak jadi hebat. Tak maunya. Pergi tak tak cukup \_\_\_ *production* [produksi] *preparation* [persediaan] tak cukup. Takde. Pelakon tidak terlatih. Pekerja di belakang main ambil je sape-sape. Janji murah. Kalau orang hebat takde yang ambilnya sebab orang tu mahal. Kan? Ha itu masalah. Masalah Malaysia itulah.

**NSA: Kalau tak keberatan boleh tak puan kongsi kan kita orang ada baca dalam satu artikel tu kan. Pasal bayaran tentang artis yang lama dengan artis yang baru (membuat sedikit pergerakan sambil bertanya).**

FN: Saya tak boleh cakap berapa orang dapat. Di \_ di *Overseas* [luar negara] \_ dekat Hollywood ke makin tua makin mahal. Dekat sini makin tua kalau boleh pergi mampos la kau kat situ. Jangan berlakon kau boleh blah. Kalau boleh nak bagi *free* [percuma] je. Ha. Budak kecil kau bayar tah apa-apa. Padahal budak tu bekerja daripada pagi sampai malam ni. Pastu dia budak kecil kau tak bayar penuh. Kau tak bayar macam kau bayar pelakon dewasa. Apa tu? Sebab umur dia dah (gagap) tua. Kau bayar dia kurang. Pastu dia dah tua. Eh eh, dia kerja juga macam kau berpanas juga. Otak takde semua. Otak letak kat lutut. Kan? Pastu nak bayar *instafamous* [seseorang yang terkenal di

Instagram] habis semua duit orang potong. Orang kata Fauziah Nawi asyik marah. Memang saya jadi marah. Ketidakadilan tu. Tapi \_ dimana nak ada adil. Takde. Dalam dunia tak ada yang adil. Sebab itu saya ada cakap kita kena ada union. Tak boleh. Sebab kitaorang semua *freelance* [pekerjaan bebas]. *Freelance* [pekerjaan bebas] tak boleh buat *union* [kesatuan]. Macam kerajaan kena kena ubah akta buruh itu. Sebab kami tak termasuk dalam itu. Bekerja lebih daripada 12 jam. Dengan gaji yang masya Allah. Orang nampak dah siap. Sape suruh buat kerja tu? Kau nak? Ye betul. Tapi kenapa jadi gitu? Memang lah dekat Hollywood kalau *you* [awak] ada *star* [bintang] *you* [awak] dapat bayar lebih. Betul. Tapi tengoklah kerja dia macam mana. Kan. Sini tah pape tah. Penat lah berlakon dengan diorang. Tak *prepare* [bersedia]. Datang lambat. Cane? Sampai-sampai *you* [awak] buat *I* (saya) punya *scene* [adegan] dulu sebab *I* [saya] nak kena balik. Eh eh, cantik kau. Tayahlah. Anak-anak korang jangan masuk dalam industri ini. Bagus pun tak ambik benda ni, tak payah buat. Tu saya nak suruh kerajaan tutup je sekolah-sekolah seni ni. \_ mimpi je semua (meletakkan telefon pintar di atas meja lalu membuat sedikit pergerakan tangan).

**NAZ: So [Jadi] kalau untuk filem pulak kan? Apakah filem pertama puan dalam sepanjang menjadi artis?**

FN: Allah. Apa ye. Superstar apa tah.

**NAZ: Oh (menganggukkan kepala).**

FN: Itu pun saya kena ambil cuti kerja. Kan? Saya pernah berlakon dekat Indonesia. Saya berlakon dekat Indonesia, saya tak payah bawak baju saya. *Everything is ready for me* [semuanya sudah sedia untuk saya]. Saya berlakon dengan Singapore [Singapura] pun saya tak payah bawak baju. Saya bawak badan saya je. Kat sini artis kena bawak baju.

**NAZ: Betul (menganggukkan kepala).**

FN: \_ sekarang semua ada *sponsor* [penaja]. Tak kena pun baju-baju *sponsor* [penaja] tu untuk watak. Camne nak cakap. Itulah kata tak *real* [sebenar]. Ada ke orang pakai tudung merelip-relip dekat-dekat rumah. Kayalah macam mana pun.

**NSA&NAZ: Takde (menggelengkan kepala sambil ketawa kecil)**

FN: Takde kan?

**NSA&NAZ: Takde.**

FN: Saya pernah pergi rumah isteri Perdana Menteri. Jangan tanya isteri Perdana Menteri yang mana. Dia pakai *simple* [ringkas] tapi kita tahu baju dia tu mahal. Dia pakai satu rantai. Dia punya *diamond* [berlian] tu satu je. Tapi kita tahu mahal. Satu cincin yang kita tahu berapa karat tu mahal. Datin seri semua tu. Tak perlu pula datin seri pakai emas banyak-banyak kalau kat sini macam tu. Datin je \_. Mana kau dapat benda tu? *The real people* [orang yang sebenar] tak macam tu. kenapa? Kita takde. Kita tak buat apa orang kata *homework* [kerja rumah] kita, kita tak kaji. Datin seri-datin seri tu tak pakai macam baju kita dalam filem drama tu macam tu. Tak pakai. *Simple* [ringkas]. Tapi kita tahu harganya mahal. Kan?

**NSA: Puan, seperti yang kita puan juga seorang pengarah. Boleh tak puan kongsi kan karier awal puan sebagai seorang pengarah? (bertanya sambil membuat pergerakan tangan).**



FN: Saya mengarah drama yang pertama saya arah ialah yang diterbitkan oleh (berfikir sejenak) alamak \_\_\_\_\_ Serangkai filem. Drama itu adalah Azlina. Kak ca kata okay I (saya) ada banyak ini kalau *you* [awak] boleh *handle* [mengendalikan] semua *then* [kemudian] *you* [awak] jadi *director* [pengarah]. Saya terpaksa cari saya punya *team* [pasukan] sendiri. Saya ajar saya punya \_ tapi waktu itu saya boleh pilih pelakon siapa yang saya nak. *Hero* [pelakon utama lelaki] saya masa itu arwah Ali Mamak. *Heroin* [pelakon utama perempuan] nya \_\_\_. Waktu tu gaji semua kecil. Kan? Ha itu Habsah Hassan. Datuk Habsah Hassan dari serangkai filem yang memberi saya ruang dan teater pertama yang saya *direct* [mengarah] Primadona. Ha. Dekat KBN. Kompleks Budaya Negara. Dari Kompleks Budaya Negara dah ada Istana Budaya. Patutnya Istana Budaya tu namanya ialah panggung negara.

**NSA: Oh, panggung negara eh (bercakap sambil menganggukkan kepala).**

FN: Ha.

**NSA: Yang cerita yang puan first mengarah tu dia mengisahkan tentang apa?**

FN: (Mendengus seketika sambil berfikir) Tentang seorang lelaki yang nak mengorat perempuan. Tapi kelakar lah. \_ perempuan tu tak tau saya tak ingatlah cerita tu ada kambing ada apa semua lah. Tapi cerita itu cerita jenaka. Dia kelakar. Yang ditulis oleh guru skrip saya arwah pak Latif Husni yang menulis Mawar Merah. Yang dapat *best screen play* [main skrin terbaik]. Dia lah yang tulis (menjawab soalan sambil menyilangkan tangan).

**NSA: Lokasi penggambaran *time* [masa] tu?**

FN: Di sekitar. Awak tanya saya benda lama. Saya ni jenis orang manusia yang tak simpan. Kalau *you* [awak] tanya saya keratan akhbar, saya takde.

**NAZ: Oh faham (menganggukkan kepala).**

FN: Sebab cikgu saya kata tak payah nak simpan-simpan benda tu sebagai kenangan. Nanti awak hidup dalam kenangan.

**NSA&NAZ: (ketawa kecil bersama).**

FN: Dulu saya pernah buat ini, dulu saya pernah, dulu aku gini pastu sekarang takde. Betul jugak. Jadi saya, saya ni murid yang ikut cakap cikgu. Tak perlu dia katakan, saya tidak mahu kamu hidup di dalam kenangan (membuat pergerakan tangan).

**NSA: *Okay [baik]* puan. Kita *move* [bergerak] ke *next session* [sesi seterusnya]. Jika puan tak keberatan, boleh tak puan kongsikan kenangan pahit sepanjang penglibatan puan... (melihat nota sambil membuat pergerakan tangan).**

FN: Ala takde lah. Saya takde kenangan pahit la. Pada saya semua *okay* [baik] je. Hidup ini begitu. Ada masa kita akan melalui perkara-perkara yang sukar sangat sukar. Ada masa segala-galanya berjalan dengan lancar. Itu semua Allah punya kerja. Tapi kita buat je, usaha. Saya takde pahit-pahit ini semua. Takde. Pada saya semua sama je dalam hidup ni. Kan? Dan saya saya harus sebaik manusia kita kena lalui itu semua. Kan? Takde ape lah. Pada saya itu umpat keji orang tu dah biasa ah. Kalau awak tanya saya, saya tak baca pun apa orang tulis. Nanti orang yang bagitahu saya. Kan? Pada saya itu semua biasa. Orang dah takde kerja. Kan? Sebab saya pegang cakap bapa saya kau hidup bukan kerana doa orang dan mati kerana sumpah dan caci maki orang. Allah. Itu

saya terapkan kepada anak cucu saya, menantu saya. Kita, kita buat kerja buat betul-betul. Dengan orang kena hormat. Tapi jangan sampai orang pijak kepala kita. Jangan ambil yang bukan hak kita. Sebab nanti kita tak boleh jalan tegak. Yang bukan hak kau jangan ambik. Jangan aniaya orang. Jangan aniaya anak yatim. Jangan pijak orang untuk naik (membuat pergerakan tangan).

**NSA: Kalau kita cerita tentang kenangan manis puan sepanjang...**

FN: Kenangan manis saya apa ye. Saya takde apa lah. Pada saya kenangan manis itu adalah bila orang \_ saya selalu menganggap orang tak kenal saya. Tapi bila orang Cina atau India eh Fauziah Nawi. Eh *you* [awak] kenal *I* [saya] ke? *I* [saya] tengok lah *you* [awak] punya drama. *I* [saya] tengok *you* [awak] punya ni. \_ kan? Kata oh. Kadang-kadang dah pakai macam ni pun orang kenal (tunjuk pakai penutup mulut dan hidung). Macam mana boleh kenal? Suara (tanggul penutup mulut dan hidung). *So* [jadi], suara saya sangat *distinct* [tersendiri] kan? Selalu orang cakap Fauziah Nawi garang. Saya bukan garang. Saya cakap betul-betul. Kalau sekarang *interview* [temu bual] saya cakap \_\_ bosan lah orang. Saya suruh \_ yang belajar dengan saya kena ada *energy* [tenaga]. Saya sendiri takde *energy* [tenaga]. Macam mana? Kan? Saya nak bercakap tentang yang serius, saya kena serius lah. Kan? Saya nak orang tu jadi bagus. Orang tak tahu membezakan tegas dan garang. Garang tu ape? Kalau dah tak pandai saya kena tegur lah. Kan? Kalau dah tegur banyak kali tak masuk juga memanglah saya marah. Kau dah kenape? Kan? Sebab cikgu-cikgu hebat saya takde pun cakap berbunga-bunga dengan saya. Takde. Sekarang kalau anak murid saya kalau boleh panggil anak murid lah apa ni saya akan terangkan. Cikgu saya dulu saya cakap cikgu *okay* [baik] ke macam ni. Cikgu saya jawab apa tau? Mana saya tahu. Bukan saya berlakon. Awak. Saya cari lah. Saya tak dapat dengan senang. Dan saya ingat apa yang cikgu saya pesan daripada umur saya lapan belas [18] tahun sampai sekarang. Ha (membuat pergerakan tangan sambil menganggukkan kepala).

**NSA: Salah satu pesanan yang cikgu...**

FN: Buat je.

**NSA&NAZ: (ketawa kecil bersama).**

FN: Buat je (menggerakkan sedikit kepala). Kan? Saya dulu teringin sangat nak masuk universiti untuk bahagian kesenian. Cikgu saya kata tak payah. Mungkin agaknya rasa kat sini takde kot ataupun tak guna pun saya pergi. Akhirnya saya akan jadi macam ni. Macam saya cakap sekarang lah sekolah seni banyak tah ape ape tah. Budak-budak seni tak jadi apa apa pun \_ universiti. Ramai yang dah dah jadi doktor akhirnya semua jadi lecturer. Kalau nak jadi pelakon hancur hidup dorang. Kan? Doktor Zizi. Datuk Zulkifli Zain pelakon yang hebat. Akhirnya pergi belajar balik. Belajar belajar belajar sampai jadi doktor sekarang jadi lecturer. Sebab kalau jadi pelakon mati dia. Dia tak tinggi macam pelakon *hero-hero* [pelakon-pelakon lelaki] yang cantik-cantik tu. Tapi bakat dia hebat. *So* [jadi], dia bagus lah. Dia pergi belajar. \_ \_ *now i'm a doctor* [sekarang saya doktor]. Kan ramai. Ramai. Akhirnya melupakan. Tuntutan hidup. Kecoh kan PKP ni semua yang kena halau lah apa lah apa lah apa. *You* [awak] tak boleh nak. *You can't even provide food on the table for your family* [awak tidak boleh menyediakan makanan di atas meja untuk keluarga awak]. Apa itu? Sedih. Tapi orang seni ni pulak macam tu lah. Dibuat-buat macam tu. Susah senang itulah. Sebab aku dah pilih jalan ini. Tak boleh kesal (seseorang memberikan salam). Yang seronok seronok tu lain.

**NAZ: *Okay* [baik] *so* [jadi], seperti yang kita tahu setiap pekerjaan ada cabaran dia yang tersendiri. Jadi, apakah cabaran puan sepanjang menjadi seorang artis di dalam Malaysia ini? (menggerakkan tangan sambil bertanya).**

FN: Cabaran dia ialah macam mana nak nak nak *convince* [meyakinkan] orang *that i'm the best* [bahawa saya terbaik]. Saya patut dapat harga yang saya mintak. Kan? Cabaran dia tu. Kan? Saya tak cantik tapi saya boleh cantik kalau ikut \_ \_ kalau ikut skrip tu, karakter tu. Saya akan jadi cantik. Takde. Susah. Dan cabarannya lagi ialah bila

berlakon dengan orang-orang yang tak tahu apa-apa. Saya penat. Akhirnya saya, saya akan cakap *okay* [baik] *you* [awak] buat apa yang *you* [awak] nak buat. Saya saya tahu macam mana nak *handle* [mengendalikan] diri saya. Takde masa nak buat latihan. Semua orang *cut short* [potong pendek]. Skrip dialog masing-masing buat dialog sendiri. Sebab tu kita jadi tak bagus. Sebab best ah dialog ni. Memang lah dialog tu tak best untuk kau. Untuk kata lah nama dia Nor Aini. Nor Aini tak cakap macam ni tapi Nor Aini pegang watak apa? Arjuna. Arjuna cakap macam tu. Dah memang susah untuk menghafal. Dan semua orang ramai malas nak menghafal. Semua *cut short* [potong pendek]. Pandai sangat. Habis tu budak budak baru datang kau cakap tak payah dik baca skrip tu sangat. Kau ambik je dia punya ni. Dia punya *point-point* [tujuan]. Apa *point* [tujuan]? Semua merosakkan orang. *So* [jadi], budak-budak yang belajar pening kepala la. *The so called veteran* [yang dipanggil veteran] yang hebat macam tu juga. Saya tak peduli. Aku cakap apa ni dalam skrip takde. Ala eh takde. Aku tak tahu. Jom praktis. Sebab aku tak pandai. Kita takde latihan. Bagi jelah *okay* [baik] *scene* [adekan] dua puluh lima [25] eh. Tak pernah latihan ni terus *shoot* [penggambaran]. Sebab itu datang cepat. *Make up* [mekap] siap-siap. \_ boleh masa ada praktis tak nak datang. Pastu kau cakap tah ape ape. \_ *I'm sure you all* [saya pasti awak semua] tengok drama Melayu macam tu. Tah ape apa tah. Sebab dialog bukan dialog yang ditulis oleh penulis. Ko takde hormat pun orang punya kerja kan? Sebab susah dik nak menghafal. Pastu nak memahami apa yang nak disampaikan. Walaupun hanya perkataannya aku nak makan atau pun aku hendak makan dengan aku nak makan. Apa tu? Berbeza kan? Aku tak suka dia. Aku tidak suka dia. Beza tu dik. Ha. Tapi siapa saya? Jadi saya kena pegang apa yang saya dah belajar lah. Bukan maknanya saya tak boleh menyesuaikan diri. Saya menyesuaikan diri. Tapi kalau dah tak betul proses dia saya tak nak lah. Sebab saya tak nak jadi macam tu. Kenapa saya mesti jadi begitu? Kau dah ada dialog semua tu kan ikut jelah senang. Senang kerja kau kan? Bagi je makna. Yang kau nak ngubah-ngubah nape? Sebab tu korang tengok drama Melayu baik tengok Korea. Tak sakit hati saya. Saya sakit hati dik. Penatlah aku buat kerja. \_ orang orang mengata drama Melayu ni. Saya cakap terus terang eh. Saya tengok drama Korea sikit-sikit sebab saya tak nak patutnya saya tengok tapi saya sakit hati. Orang dah tak tengok drama aku filem aku. Cerita aku. Orang semua tengok. Kenapa aku nak pergi support taknak. Bodoh lah saya. Tapi saya tak nak sebab saya luka. Dan kalau tanya saya, saya dah lama tak tengok drama. Saya dah lama tak tengok tv. Pastu saya tak kenal pelakon-pelakon baru sekarang. Tapi saya kena kerja. Kenapa nak kerja dah tua-tua? Eh saya nak kerja kot

saya pelakon. Kalau orang jumpa saya nak pergi mana? Saya kerja. Kerja apa? *Shooting* [berlakon]. Orang macam ha *shooting* [penggambaran] kerja? Eh, *shooting* [penggambaran]] tu kerja lah. Kenapa pelakon bukan kerja ke? Orang akan oit nak pergi\_ kerja kat mana? Saya jadi *lecturer* [pensyarah]. Baru orang faham. Nak g mana ni \_ . Saya ada kerja. Nak pergi mana? Nak g Penang *holiday* [bercuti]? Tak, ada kerja. Kerja? Kerja apa? *Shooting* [penggambaran]. Macam semua macam *shooting* [penggambaran] tu kerja ke? Eh, kerja la ngok (Azan Maghrib berkumandang). Sedih lah kawan-kawan saya \_\_ budak laki-laki ke apa ke kan? *Family* [keluarga] tak anggap itu kerja. *Okay* [baik]. Mak sakit kau balik kampung kau kena jaga mak sebab kau tak kerja (bercakap sambil mengusap kedua-dua belah tangan). Sebab tu saya kalau boleh tayah lah korang nak masuk tapi mak mak ni nak sangat anak dia jadi pelakon. Nak sangat jadi artis. Anak-anak tak *prepare* [bersedia]. Kau tak *prepare* [bersedia] anak-anak (menggelengkan kepala). Leceh ye. Tak *best* [terbaik] lah. Tak *best* [terbaik]. Apresiasi tidak ada. Ye lah untuk apa \_ apresiasi? Kalau itu je. Kita disalahkan orang sebab kita buat tak betul. Kau nak jadi doktor *specialist* [pakar] pun kau kena belajar beberapa tahun. Kan? Ni tah sapa-sapa jadi pelakon. Saya budak teater. Teater? Berapa banyak teater? Baru satu. *Then you can't claim yourself* [kemudian awak tidak boleh menuntut diri sendiri] budak teater. Saya anak murid Fauziah Nawawi. Ha? Kau baru datang kelas aku sekali kot. *You're not my* [awak bukan saya punya] anak murid. *You attend my classes* [awak hanya hadir kelas saya]. Dah kawan kawan saya kata. G anak murid kau teruk. Ha? Siapa? Budak ni. Ha dia baru datang kelas aku sekali lah. Dulu saya tak pernah cakap sapa cikgu saya dan sekarang baru saya cakap \_cikgu saya. Dan saya belajar waktu tu takde bayar apa pun kecuali \_\_ lah.

**NAZ: Oh (menganggukkan kepala).**

FN: Dia punya syarat adalah kau buat betul-betul. (berfikir). Sekarang senang.

**NAZ: Semua dihujung jari.**

FN: \_ sana \_ sini dapat. Kan? Banyak lah dik. Susah. Tapi saya tak peduli lah. Saya dah ialah pilihan lagi satu dah terlewat lah nak keluar. Saya patut keluar dari awal. Tapi tak, ramai lah kawan –kawan saya kesian ilmu pun bagus tau.

**NAZ: Saya ada baca keratan akhbar tu yang banyak cakap lah artis lama ni stesen TV dah banyak abaikan (bertanya sambil menggerakkan tangan).**

FN: Cerita semua cerita untuk orang muda je kan? Rashid Sibir tu lah orang tak TV stesen tak berapa nak sangat sebab dia tulis cerita-cerita macam tu. (ketawa). Tapi bila nak \_ bulan puasa raya tonton (sambil minum secawan air).

**NSA: Saya suka arahan cerita Rashid Sibir sebab dia...**

**NAZ: Cerita dia berkualiti lah (membuat pergerakan tangan).**

FN: Dia *real* [sebenar] lah (sambil menghirup air).

**NAZ: Dia dapat feel bila tengok cerita tu.**

**NSA: Tu artis dulu ni dia bakat dia lain.**

FN: Susah, kita orang susah. Kita memang itulah rezeki kita. Kita. Erman manan cakap eh jaga rezeki, rezeki jaga kita. Kita kata apa lah dia ni cakap. Betul lah. Bila kita jaga rezeki, rezeki akan jaga kita. Kita akan sentiasa ada rezeki kan? Kita tak jaga rezeki

macam mana? Tak buat kerja betul betul. Ponteng. Main-main. (baca doa selepas azan).  
*Okay* [baik], lagi soalan?

**NAZ:** *So* [jadi], seperti sekarang ni COVID-19 tu melanda seluruh dunia *especially* [terutamanya] kat Malaysia ni pun kes \_ tak menurun lagi. *So* [jadi], banyak *job* [kerja] yang tergendala... (membuat pergerakan tangan).

FN: Banyak.

**NAZ:** Banyak sangat kan?

FN: Banyak.

**NAZ:** *So* [jadi], *so* [jadi], kita nak tahu lah *so far* [setakat ini] sekarang ni apa perkembangan puan Fauziah Nawi?

FN: Saya \_ Alhamdulillah. Alhamdulillah. Saya tak mahu *complain* [mengeluh]. Semua *okay* [baik]. Sebelum COVID saya punya *job* [kerja] dah beratur dah habis semua. COVID. Jadi saya dah ada. Pastu buka balik saya dah *start* [mula] kerja kerja, COVID balik. PKP balik. Saya takde *complain* [mengeluh]. Maknanya Allah memang jaga saya. Sebab saya jaga anak yatim. Saya jaga seorang balu. Saya jaga cucu saya tiga orang anak yatim dan anak saya pun anak yatim. Kan? Sebab dalam rezeki kita tu ada rezeki orang lain (membuat sedikit pergerakan tangan).

**NSA&NAZ:** Betul (bercakap sambil mengangguk kepala bersama).



FN: Saya bukan Agamawan. Tetapi ini yang bapa saya cakap. Ustaz saya cakap. Kan?  
(membuat pergerakan tangan sambil tersenyum).

NAZ: *So [jadi]...*

FN: Saya takde \_\_ problem. Alhamdulillah.

NAZ: *So [jadi], kiranya memang kerja tu sentiasa adalah dari semasa ke semasa buat masa ni? (bertanya sambil membuat pergerakan tangan).*

FN: Tak larat.

NAZ: **(ketawa kecil).**

NSA: **Faham (menganggukkan kepala).**

FN: Saya terpaksa. Tadi pun ada orang telefon juga saya kata bulan dua belas [12] tak boleh. Saya dah penuh. Saya dah penuh dah sampai bulan tiga [3]. Saya ada *classes* [kelas]. Saya ada *online classes* [kelas dalam talian]. Kan? Ha tu kerjalah. Diorang tak \_\_tak anggap itu kerja. Saya tak balik rumah. Rumah saya dekat je tapi saya dah datang studio untuk lima [5] hari. Saya *break* [rehat] daripada *shooting* [penggambaran] sebab takde *scene* [adejan]. Saya buat teater saya sebab kita orang nak *shoot* [penggambaran] bulan dua puluh tiga [23] haribulan sebelas [11] ni kat Melaka [Malaysia]. Persediaan itu. Persediaan kita orang daripada \_ pkp haritu enam [6] bulan

*online* [talian] je kita praktis. Bila praktis *online* [talian] susah (bercakap sambil membuat pergerakan tangan).

**NAZ: Betul (menganggukkan kepala).**

FN: Dan nak buat teater *online* [talian] sangat susah. Dia punya tuntutan sangat besar. Dan pelakon-pelakon saya semua tengah seksa sekarang. Macam mana. Kita dah pernah buat dan kita tahu dah masalah dia. Dia walaupun *shoot* [penggambaran] ini bukan drama tv ataupun filem bukan. Ini teater. Ha macam mana kita nak buat. Ha tu. Memang pelakon-pelakon saya tengah seksa sekarang.

**NAZ: Jadi, sepanjang menjadi seorang artis apakah anugerah yang pernah puan dapat? Contoh macam ABPBH ke atau... (membuat pergerakan sebelah tangan).**

FN: ABPBH saya tak pernah dapat. Saya tak *popular* [terkenal].

**NAZ: Oh. So [jadi] apa anugerah yang lain yang pernah puan pernah dapat?**

FN: Saya saya *best supporting actor* [pelakon pembantu terbaik]. Untuk beberapa drama untuk filem. Kemudian saya dianugerahkan oleh Yayasan Buku Malaysia sebagai Primadona. Kan? Syarikat saya dianugerahkan sebagai apa eh ada saya banyak dekat bawah tu saya tak tahu saya tak ingat. Benda benda ni. Itu sebab tu saya kata saya anugerah saya banyak daripada kerajaan.

**NAZ: Oh (menganggukkan kepala).**

**NSA: Faham (menganggukkan kepala).**

FN: Kerajaan.

**NAZ: So [jadi], kiranya anugerah tu untuk bidang macam bidang apa macam lakonan ke pengarah ke apa?**

FN: Pengarahan, teater. \_ juga (berfikir) syarikat. Syarikat teater saya.

**NSA: Okay [baik] puan, saya nak cakap tentang sumbangan puan ada buat sumbangan tak macam kepada masyarakat umum ke rakan artis ke? (membuat pergerakan tangan).**

FN: Saya tak perlu cakap lah benda ni sepanjang saya tak mau cakap. Sumbangan tu saya tak perlu bagitahu orang. Kan? Saya malas lah cakap. Tak mau.

**NSA: Okay [baik]. Okay [baik]. Takpe.**

FN: Kan? Itu tak perlu orang tak perlu tahu.

**NAZ: So [jadi], untuk harapan pulak. Apakah harapan puan untuk bidang seni ni untuk masa yang akan datang? (membuat sedikit pergerakan tangan).**

FN: Tak tahu saya punya harapan adalah orang faham lah. Orang atas tahu kenapa nak kena buat macam mana. Macam mana nak mengangkat balik kita ni. Kan? Sila-sila (sambil membuat gerakan isyarat). Kita bukan buat kerja ni main main nah. Kan? Ini berkaitan dengan maruah negara. Kan? Ha. Seni tu. Kalau negara itu tidak ada seni? Habis. Saya punya harapan orang-orang seni ni terbela la. Diletakkan di tempat yang seharusnya diletakkan. Kan? Tangga gaji mereka. Kebajikan mereka. Semua tu kena ada. Bila dah bersara, ada. Kat negara lain ada. Sebab diorang punya *union* [kesatuan] sangat kuat. Kita takde (membuat pergerakan tangan sambil senyum tertawa kecil)

**NAZ: Ada apa-apa soalan lagi ke? (memandang ke arah NSA).**

**NSA: Nak tanya apa pesanan puan untuk pelakon ke akan datang? (membuat sedikit pergerakan tangan).**

FN: Saya rasa apa yang saya dah cakap tadi diorang kena faham la. Pesanan saya nak buat, buat betul betul lah. Kan. Kalau setakat nak popular tak payah lah masuk tempat ni. Merosakkan. Kan. Itu yang cikgu saya kata jangan melacurkan seni. Kan. Marah orang dengar saya cakap. Tapi ni lah kenyataannya. Kadang-kadang pasal orang lain kitaorang yang kena. *Fed up* [menyampah] ah. *Fed up* [menyampah]. Tah ape ape tah. Diva tak tentu arah. Buat kerja tah apa-apa. Orang lain macam nak mati buat kerja kan? Tak tahu lah. Pergi cari tempat lain lah. Pergi tempat tempat yang lain la. Tapi kalau nak dapat duit tu cepat tak tahu la. Korang merosakkanlah. Bosan lah bosan. Pasal diorang kitaorang kena, pasal diorang kitaorang kena. *Netizen* [warga internet] semua sapu-sapu \_ sama rata. Mencarut macam-macam lah tuduh orang. Kadang kitaorang kata apa kitaorang dah buat ni. Apa salah kitaorang. Kan. Yang bercakap semua orang Melayu yang beragama Islam. Tapi sikap tidak. Kau mengata orang tak pasal-pasal ni apesal. Ha. Saya marah. Sebab tu saya kata tayah masuk lah *line* [barisan] ini. Merosakkan. Tapi saya jenis orang yang selalu bersangka baik. Kadang macam Tiktok-Tiktok ni kan, apa salahnya orang nak buat. \_ \_ \_ Allahu Akbar kenapa korang maki

orang ni buat Tiktok macam ni. Suka hati dia lah. Ke salah saya kot. Saya tak cukup islamik kot (bercakap sambil tersenyum kesal).

**NAZ: Ada? Takde kan? *So* [jadi] ni (bertanya kepada NSA).**

**NSA: Takde. Takde dah kan? (memandang ke arah NAZ).**

**NAZ: Takde.**

FN: Takde eh? *Okay* [baik].

**NSA: Dengan ini tamatlah sesi temu bual sejarah lisan mengenai bidang industri seni tanah air bersama puan fauziah nawi. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temu bual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu akan datang dalam bidang industri seni kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih. (memandang ke arah kamera).**

**NAZ: Terima kasih puan (menundukkan kepala).**

FN: Sama-sama (duduk bersila sambil tersenyum).

## **6.0 LOG TEMU BUAL**

## 6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	HURAIAN
0.52-01.59	Latar belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama penuh Fauziah binti Nawi.</li> <li>• Lahir di Ipoh Perak pada 28 Jun 1953.</li> <li>• Keluar berpindah ke Kuala Lumpur tahun 1971.</li> <li>• Nama bapa: Nawi bin Mukri</li> <li>• Nama ibu: Saniah binti Sidek</li> <li>• Nama suami: Haji Haniff bin Haji Gedek</li> <li>• Mempunyai 2 orang cahaya mata. Seorang lelaki dan seorang perempuan.</li> </ul>
02.00-03.24	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekolah Rendah:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekolah Kebangsaan Sungai Rapat, Ipoh (Darjah 1-5)</li> <li>- Sekolah Kebangsaan Sungai Rekam, Ipoh (Darjah 6)</li> </ul> </li> <li>• Sekolah Menengah:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan, Ipoh (Tingkatan 1-3)</li> <li>- Sekolah Perempuan Jalan Ampang, Kuala Lumpur (Tingkatan 5)</li> </ul> </li> </ul>
03.26-4.17	Kerjaya sebelum menjadi artis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktif dalam tarian dan nyanyian.</li> <li>• Mula berlakon pada tahun 1973.</li> <li>• Pernah bekerja di <i>Texas Instrument</i>, <i>Universiti Malaya</i>, <i>Garuda Airlines</i> dan <i>Italian-Thai Development Cooperation</i>.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah menjadi Kakitangan Awam di Jabatan Penyiaran Malaysia, Kementerian Penerangan di bahagian radio empat RTM.</li> </ul>
4.18-4.59	Kegiatan aktiviti ketika zaman sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bergiat aktif dalam tarian dan nyanyian bermula dari darjah satu.</li> <li>• Arwah Cikgu Maryam banyak mendidik anak muridnya tentang tarian Melayu.</li> <li>• Puan Fauziah belajar menyanyi lagu Melayu Asli.</li> </ul>
5.00-5.21	Anugerah ketika zaman sekolah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah mendapat Anugerah Bahasa Melayu Bagus.</li> </ul>
5.44-6.09	Idola	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau tidak mengidolakan sesiapa sepanjang menjadi seorang artis.</li> <li>• Beliau gemar menonton filem melayu ketika waktu kecil.</li> </ul>
6.10-8.02	Pendedahan dalam industri seni	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau telah didedahkan dengan kesenian nyanyian, muzik, tari dan sebagainya ketika arwah bapa dan ibunya bekerja di kantin Taman Budaya.</li> <li>• Beliau mula belajar bagaimana hendak berlakon, menari dan sebagainya.</li> <li>• Beliau bernasib baik pada ketika itu kerana beliau merupakan anak orang kantin jadi beliau bersama empat orang adik-beradiknya yang lain mempunyai ruang untuk menceburi bidang seni ini.</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adik beliau, Dato' Mustafa Fuzer merupakan mantan pengarah muzik konduktor untuk <i>National Symphony Orchestra</i>. Jawatan ini telah digantikan oleh adik bongsu beliau iaitu Nasran Nawi.</li> <li>• Dua adik-beradiknya bermain muzik klasikal dan telah melanjutkan pengajian di luar negara.</li> <li>• Adik beliau yang nombor dua merupakan orang silat. Adiknya, Fazidah Nawi merupakan suri rumah sepenuh masa tapi pernah terlibat dalam tarian dan sebagainya tapi tidak meneruskan.</li> </ul>
8.03-9.26	Guru	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau bertemu dengan guru-guru lakonan.</li> <li>• Mula-mula bertemu dengan arwah Mahtadi Rahman dan Tuan Haji Ahmad Yatim. Beliau juga pernah berjumpa Mustafa Nor.</li> <li>• Joe Hay Shem merupakan salah seorang gurunya.</li> <li>• Beliau bernasib baik kerana langkahnya dikira betul pada ketika itu. Beliau telah bertemu dengan orang yang betul dan guru-guru yang berkelayakan.</li> </ul>
9.27-31.19	Pendapat tentang perbezaan industri seni dahulu dan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau tidak menyukai dirinya dipanggil pelakon veteran kerana beliau berpendapat veteran ini seperti orang</li> </ul>

		<p>pergi perang. Pelakon akan terus menjadi pelakon selagi mampu dan sihat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbezaan artis dulu dan sekarang banyak perbezaannya.</li> <li>• Artis dulu kalau nak belajar akan bersama gurunya. Zaman sekarang semuanya boleh tekan dan cari. Sekolah dan universiti juga telah banyak dibina. Artis dulu belajar dengan alam dan bersama dengan guru-guru yang hebat.</li> <li>• Pada dasar kualiti, beliau merasakan tidak adil untuk bercakap tentang isu tersebut kerana kualiti bukan tentang orang dulu atau orang sekarang.</li> <li>• Cara orang sekarang berlakon berbeza kerana pelakon zaman sekarang kebanyakan sudah belajar. Pelakon lama mestilah menambah ilmu dan menyesuaikan diri dengan keadaan sekarang.</li> <li>• Dari segi disiplin, orang dulu disiplinnya lebih bagus kerana mereka menghormati dan mendengar kata guru. Pelakon zaman sekarang kebanyakan tidak mempunyai disiplin yang baik kerana berasa lebih pandai dari guru mereka.</li> <li>• Kualiti seseorang itu bergantung pada diri sendiri sama ada ingin menajamkan kraf kerana lakonan ini hidup.</li> <li>• Menjadi seorang pelakon tidak boleh terus rasa hebat dan tahu semua perkara. Setiap hari adalah satu benda yang baru yang kita akan temui, perkara baru yang</li> </ul>
--	--	--

		<p>tidak diketahui dan jangan rasa terlalu tinggi untuk bertanya.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Beliau bercampur dengan artis baru yang mempunyai pendidikan untuk belajar perkara baru.</li><li>• Beliau tidak gemar bila orang cakap orang dulu lebih bagus kerana artis sekarang ramai juga yang bagus cuma kadang-kadang mereka ambil mudah seperti tidak menjaga disiplin dan sebagainya.</li><li>• Kebanyakan artis sekarang menjadi terkenal kerana pengikut yang ramai di media social dan ia merupakan satu <i>trend</i>.</li><li>• Beliau berkata industri kini memerlukan pembuat filem atau drama yang mempunyai visi dan tidak terikut-ikut dengan apa yang ada sekarang.</li><li>• Beliau merasakan segelintir artis baru menyusahkan beberapa pihak apabila tidak membuat sebarang latihan sebelum memulakan penggambaran.</li><li>• Kebanyakan pengarah filem atau drama sekarang memilih artis yang sama untuk berlakon. Mereka tidak memberi peluang kepada pelakon lain yang mempunyai bakat hebat.</li><li>• Menjadi artis zaman sekarang sangat mudah kerana kebanyakan orang memandang jumlah pengikut di media sosial.</li><li>• Industri seni Malaysia telah ketinggalan jauh dengan Korea, Thailand dan</li></ul>
--	--	--

		<p>Indonesia walhal industri seni Malaysia kita hebat pada suatu ketika dahulu.</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kita ketinggalan dengan negara yang lain kerana kebanyakan artis tidak pernah mengambil berat, membuat latihan dan menambah baik kualiti.</li><li>• Beliau merasakan lebih baik tutup sekolah-sekolah seni di Malaysia jika keadaan industri seni tanah air tidak mempunyai jaminan untuk mereka. Ini membuatkan kebanyakan pelajar dari sekolah seni bekerja bukan dalam bidang dipelajari.</li><li>• Beliau berkata dalam industri seni tiada yang indah. Ini adalah kenyataan. Sekali dah masuk dalam industri seni, susah hendak keluar. Susah ke senang kena lalui sebab ini pilihannya. Beliau juga berkata kalau boleh taknak keluarganya bergiat dalam industri seni.</li><li>• Bila bercakap tentang rezeki, orang yang bertahan sehingga kini adalah orang yang kuat dan hidupnya sentiasa menokang arus dari awal.</li><li>• Beliau pernah menghadiri bengkel pengurusan seni di Korea Selatan oleh kementerian pada tahun 2002.</li><li>• Di Korea Selatan terdapat perkampungan filem untuk membuat sesi penggambaran drama atau filem.</li><li>• Jalan cerita filem atau drama Korea Selatan jauh lebih bagus berbanding di Malaysia.</li></ul>
--	--	---

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Industri seni perlu mengambil ilmu berdasarkan filem atau drama Korea.</li> </ul>
31.20-32.14	Kerjaya awal dalam industri seni	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bermula dengan tarian, nyanyian dan berlakon.</li> <li>• Ketika sedang belajar menari, menyanyi, berlakon dan sebagainya, itu sangat berguna untuk membuat muzikal.</li> </ul>
32.15-36.16	Uji bakat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak menghadiri uji bakat untuk tarian.</li> <li>• Menjadi seorang penyanyi kerana memasuki bintang RTM.</li> <li>• Pada tahun 1973, kawan menari beliau iaitu Haji Ismail mengajak beliau untuk pergi ke RTM untuk menghadiri sesi penggambaran drama.</li> </ul>
36.17-39.05	Nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula bernyanyi selepas memasuki bintang RTM.</li> <li>• Mempunyai dua EP sepanjang menjadi seorang penyanyi.</li> <li>• Beliau merasakan nyanyiannya tidak bagus tetapi ilmu itu berguna untuk dirinya sehingga sekarang.</li> <li>• Mempunyai guru vocal yang banyak mengajar ramai penyanyi dan pelakon.</li> <li>• Pernah teringin menjadi seperti Maria Callas tapi tidak boleh.</li> <li>• Beliau selalu bernyanyi di pest ria.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran awal yang pernah dapat ketika menjadi penyanyi dari 100 ringgit sehingga 150 ringgit.</li> </ul>
39.06-44.01	Tarian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah menari bersama kumpulannya di Seni Tari Asli Kuala Lumpur pada ketika dahulu.</li> <li>• Setiap malam menari di Merlin Hotel yang sekarang nama barunya Concorde Hotel.</li> <li>• Mendapat bayaran ketika membuat persembahan tarian sebanyak 300 dan itu merupakan duit belanja beliau.</li> <li>• Pernah menari tarian ngajat dan sumazau.</li> <li>• Beliau pernah membuat persembahan tarian Raja Bersiong di Tokyo, Jepun.</li> <li>• Perasaan ketika itu sangat suka dan teruja.</li> <li>• Latihan sangat susah dan mesti sempurna tanpa sebarang kesilapan.</li> <li>• Sanggar Teater Fauziah Nawi pernah membuat persembahan di Battersea Arts Center, London bertajuk <i>The Dance of The Warriors</i>. Persembahan ini tentang silat dan mempunyai jalan ceritanya.</li> </ul>
44.03-44.50	Juruhebah radio	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau menceburkan diri dalam bidang juruhebah radio di stesen radio RTM selama hampir 20 tahun.</li> <li>• Beliau memilih untuk berkhidmat di Jabatan Bahasa Inggeris kerana beliau ingin sesuatu cabaran setiap apa yang diceburinya.</li> </ul>

44:51 – 55:40	Lakonan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau juga mempunyai satu lagi karier yang dipanggil <i>VO Talent</i> iaitu <i>Voice Over Talent</i> untuk periklanan komersial.</li> <li>• Gaji pertama beliau pada ketika itu satu saat dibayar sebanyak RM 5 ringgit manakala sekarang kadar bayarannya agak berbeza iaitu satu saat dibayar RM 30 ringgit hingga RM 50 ringgit.</li> <li>• Beliau memulakan karier beliau dalam bidang lakonan pada tahun 1973 di drama-drama televisyen.</li> <li>• Surat Khabar merupakan salah satu cara beliau untuk mengetahui apa penerimaan masyarakat terhadap lakonan beliau.</li> <li>• Beliau juga mengatakan bahawa beliau lebih cenderung ke arah teater kerana minatnya yang tinggi terhadap bidang tersebut.</li> <li>• Beliau juga mengatakan dengan menceburkan diri beliau dalam bidang lakonan drama di televisyen atau filem, hanyalah salah satu sumber pendapatan beliau yang penting untuk menaikkan nama teater yang beliau telah bina selama ini.</li> <li>• Lakonan teater pertama beliau yang diarahkan oleh guru beliau iaitu Ahmad Yatim yang bertajuk Tali.</li> <li>• Dato' Ahmad Tarmimi Siregar merupakan salah seorang pelakon lelaki utama atau kawan beliau dari dahulu sehingga kini yang berganding bahu</li> </ul>
---------------	---------	---

		<p>dengan beliau di dalam satu perayaan yang berkaitan dengan tarian atau teater.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau juga pernah terbang ke Indonesia dan Singapura kerana kerjayanya sebagai pelakon.</li> </ul>
55:45 – 58:31	Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau pernah mengarahkan sebuah drama pertama beliau yang bertajuk Serangkai Filem yang diterbitkan oleh Azlina.</li> <li>• Pelakon lelaki utama untuk drama tersebut ialah Allahyarham Ali Mamak.</li> <li>• Datuk Habsah Hassan dari filem Serangkai memberi ruang kepada beliau dalam menceburi bidang pengarah.</li> <li>• Teater pertama beliau mengarah ialah Primadona di Kompleks Budaya Negara.</li> <li>• Allahyarham Latif Husni merupakan guru skrip beliau untuk teater tersebut.</li> </ul>
58:33 – 1:00:10	Kenangan Pahit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau tidak mempunyai kenangan pahit.</li> </ul>
1:00:11 – 1:04:04	Kenangan manis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau tidak mempunyai kenangan manis.</li> </ul>
1:04:05 - 1:13:09	Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau mengatakan cabaran menjadi seorang artis ialah bagaimana cara untuk meyakinkan orang ramai bahawa beliau ialah seorang anak seni yang terbaik dan beliau mengatakan dengan memberikan sepenuh komitmen dalam bidang industri seni ini, beliau mengharapkan beliau mendapat bayaran sewajarnya mengikut pengalaman dan bakat yang dimiliki beliau.</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau juga memberi penjelasan cabaran beliau untuk menjadi seorang artis ialah apabila beliau perlu bekerjasama dengan orang yang tidak berpengalaman atau tidak tahu apa-apa dalam bidang lakonan.</li> </ul>
1:13:10 - 1:15:42	Perkembangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau mengatakan kerjaya atau karier beliau berjalan dengan lancar walaupun pandemik COVID-19 turut melanda di Malaysia juga.</li> <li>• Beliau mengatakan punca rezeki beliau tidak putus-putus dan dijaga oleh Allah SWT oleh kerana beliau menjaga seorang balu, cucu beliau yang merupakan anak yatim dan juga anak beliau sendiri yang merupakan anak yatim.</li> <li>• Perkembangan beliau setakat ini adalah beliau merupakan seorang tenaga pengajar di teater beliau dan mengajar kelas teater secara dalam talian dan secara bersemuka.</li> <li>• Beliau juga mempunyai penggambaran filem atau drama baru untuk ditayangkan di kaca televisyen.</li> <li>• Beliau juga bersedia -sedia untuk membuat penggambaran teater beliau pada 23 haribulan 11 pada tahun 2021.</li> </ul>
1:15:44 – 1:16:41	Anugerah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau pernah dianugerahkan sebagai pelakon pembantu terbaik untuk beberapa drama dan filem.</li> <li>• Beliau juga pernah dianugerahkan oleh Yayasan Buku Malaysia sebagai Primadona.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau juga mengatakan kebanyakan anugerah beliau datangnye dari pihak kerajaan Malaysia.</li> </ul>
1:16:43 – 1:17:07	Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau enggan memberitahu atau mengulas tentang sumbangan beliau yang telah beliau berikan kepada masyarakat umum atau rakan artis.</li> </ul>
1:17:08 - 1:18:20	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harapan beliau ialah supaya orang ramai lebih faham dan fikir bagaimana untuk mangangkat nama artis veteran yang masih berbakat dan berkualiti.</li> <li>• Beliau juga berharap bahawa nasib orang-orang seni terbela iaitu diletakkan di tempat seharusnya contoh seperti tangga gaji mereka dan kebajikan mereka.</li> </ul>
1:18:26 - 1:20:40	Pesanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia berpesan bahawa anak seni perlu memberi komitmen dengan baik dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan lagi-lagi dalam bidang industri seni.</li> </ul>

## **7.0 RALAT**

## 7.0 RALAT

Temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh telah dijalankan bersama Puan Fauziah binti Nawi yang merupakan seorang artis veteran dalam bidang industri seni tanah air Malaysia. Sesi temubual ini dijalankan secara bersemuka pada tarikh 15 November 2021 pada jam 5.30 petang di Sanggar Teater Fauziah Nawi di Kuala Lumpur. Kami bersyukur kerana sesi temubual ini berjalan dengan lancar. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat kami elakkan sepanjang sesi temubual ini berlangsung. Antara gangguan yang dapat dikesan sepanjang temubual ini berjalan seperti yang telah disenaraikan di bawah:

- Gangguan bunyi kenderaan
- Gangguan bunyi getaran telefon bimbit
- Gangguan azan maghrib
- Gangguan orang ketiga.

Walaupun ketika sesi temubual ini berlangsung terdapat beberapa gangguan, temubual ini berjalan dengan baik dan lancar secara keseluruhannya. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang terlibat iaitu Puan Fauziah binti Nawi atas kerjasama dan ilmu yang diberikan sepanjang sesi temubual berlangsung.

## **8.0 GLOSARI**

## 8.0 GLOSARI

Agamawan	Orang yang mempunyai pegangan agama yang kuat (Islam).
Album	Merupakan suatu koleksi muzik atau audio yang berkaitan untuk diperdengarkan kepada umum atau orang ramai.
Anugerah	Pemberiaan yang mempunyai nilainya tersendiri.
Apresiasi	Menghargai atau memahami cara pemahaman konsep melalui pencarian dan penyaluran maklumat pada sesuatu karya.
Artikel	Jenis tulisan yang mengandungi pendapat, permikiran atau kritikan terhadap sesuatu persoalan.
Artis	Seseorang yang kreatif atau mahir dalam sesuatu bidang seni.
Bakat	Kebolehan semula jadi seseorang dalam sesuatu perkara atau bidang
Balu	Perempuan yang menjadi seorang janda kerana kematian suami.
Budaya	Tamadun atau peradaban.
Dialog	Kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksiyen (pelakon).

Doktor	Orang yang mempunyai kelulusan tertinggi dalam bidang pendidikan yang dicapai selepas peringkat ijazah sarjana di mana-mana pusat pengajian tinggi.
Drama	Satu bentuk kesusasteraan yang mempunyai bahagian yang perlu dilakonkan.
Filem	Merujuk kepada karya seni yang dibuat melalui penggantian imej video dan bunyi.
Geran	Geran atau dana adalah sejumlah wang yang boleh anda mohon untuk membiayai projek.
Idola	Orang yang sangat dikagumi atau diminati yang mempunyai tarikan atau kelebihan tersendiri.
Indonesia	Merupakan sebuah negara yang mempunyai kepulauan terbesar di dunia.
Industri	Perusahaan melibatkan satu bidang atau segmen ekonomi yang menghasilkan barangan.
Instafamous	Seseorang yang terkenal atau dikenali ramai warga internet oleh kerana jumlah pengikut akaun yang banyak.
Internet	Suatu jaringan komunikasi yang memiliki fungsi untuk menghubungkan antara satu media elektronik dengan media elektronik yang lain dengan cepat dan tepat.

Islam	Agama yang diturunkan oleh Allah s.w.t kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyusun dan mengatur kehidupan umat manusia dalam pelbagai aspek.
Istana Budaya	Sebuah tempat untuk teater utama Malaysia yang dapat mempersembahkan seni dan teater dari dalam dan luar negara termasuk teater muzikal, opereta, opera, seni tari dan juga persembahan orkestra muzik klasikal dan konsert.
Jenaka	Sesuatu yang menggambarkan kelucuan atau lawak.
Juruhebah	Orang yang bekerja menyiarkan berita atau menghebahkan rancangan di radio (televisyen dan sebagainya).
Karier	Kerjaya seseorang dalam sesuatu bidang.
Kesenian	Perkara-perkara yang melibatkan seni atau sesuatu keindahan seni.
Komersial	Berkaitan dengan atau bersifat perdagangan yang mempunyai nilai-nilai ekonomi tersendiri.
Korea	Merupakan sebuah negara yang terletak di Asia Timur.
Kraf	Perusahaan yang memerlukan kemahiran terutamanya kemahiran tangan.



Lagu	Komposisi muzik yang mempunyai melodi, irama, lirik, serta iringan alat muzik sehingga dapat dipersembahkan oleh satu atau lebih vokalis.
Lakonan	Suatu penceritaan yang dipersembahkan dalam bentuk berlakon sesebuah drama atau filem.
Malaysia	Merupakan sebuah negara persekutuan yang terletak di Asia Tenggara.
Melayu	Nama suatu bangsa dan bahasa terutamanya di Semenanjung Malaysia.
Menari	Melibatkan mana-mana pergerakan anggota badan mengikut irama dalam mengungkapkan persaaan atau ekspresi jiwa manusia.
Menyanyi	Salah satu kreativiti manusia yang dianggap salah satu cabang seni dengan melontarkan alunan suara mengikut rentak lagu.
Muzik	Gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah dan menyenangkan yang selalu dimainkan oleh ahli muzik.
Ngajat	Merupakan suatu tarian yang menjadi kebanggaan kaum Iban dan masyarakat Sarawak di Malaysia.
Pelakon	Orang yang pandai membawa sesuatu watak dalam bidang lakonan.
Penari	Orang yang pandai menari.

Pendapatan	Jumlah wang yang diperoleh dalam jangka waktu tertentu atau lebih dikenali.
Penerbitan	Membawa makna sebarang penyebaran dan pengeluaran maklumat untuk disampaikan kepada umum.
Pengarah	Orang yang bekerja sebagai mengarah filem, drama atau sebagainya.
Penggambaran	Kegiatan membuat filem termasuk berlakon, mengarah dan sebagainya.
Penyanyi	Orang yang pandai menyanyikan lagu.
Primadona	Pelakon utama wanita (dalam opera), sri panggung atau orang yang paling dikagumi dan sesuatu yang dianggap terbaik dan dijadikan sebagai unggulan.
Psikologi	Ilmu ilmiah yang mempelajari perilaku dan proses mental.
Radio	Sejenis komunikasi yang menggunakan gelombang elektromagnet, atau isyarat-isyarat radio, untuk menghantar maklumat elektronik dari satu tempat ke tempat lain tanpa menggunakan wayar.
Seni	Suatu ciptaan atau atau ekspresi terhadap sesuatu yang dianggap indah.
Silat	Pencak silat atau silat adalah suatu seni bela diri tradisional yang berasal dari Asia Tenggara.

Singapore	Atau lebih dikenali SIngapura sebuah negara pulau yang terletak di tepi hujung selatan Semenanjung Melayu, 137 kilometer di utara garisan Khatulistiwa, di Asia Tenggara.
Skrip	Cerita atau sebagainya yang bertulis.
South Korea	Atau ebih dikenali sebagai Korea Selatan merangkumi kawasan seluas 38, 622 batu persegi yang merentang dari tanah besar Asia.
Stesen TV	Sejenis stesen penyiaran yang menyiarkan kedua-dua audio dan video sekaligus ke penerima televisyen di suatu kawasan tertentu.
Sumazau	Merupakan sejenis tarian tradisi rakyat Sabah yang amat terkenal di Sabah dan di seluruh Malaysia.
